




KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

# *Hala Tuju* **TRANSFORMASI** **POLITEKNIK** 2023-2030

Politeknik Unggul Pemacu Masyarakat Madani







*Hala Tuju*

# **TRANSFORMASI**

# **POLITEKNIK**

**2023-2030**



## **HAK CIPTA TERPELIHARA**

Tiada bahagian dari terbitan buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) terlebih dahulu.

### **Hala Tuju Transformasi Politeknik 2023-2030**

Nama penulis : Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti  
Editor : Sidang Editorial Bahagian Koordinasi TVET (BKTVET), JPPKK

No. ISBN : ISBN 978-967-0763-65-1

Terbitan pertama 2023

Diterbitkan oleh :

Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti  
Kementerian Pendidikan Tinggi,  
Galeria PjH Aras 4-7, Jalan P4W,  
Persiaran Perdana, Presint 4,  
62100 Putrajaya

No. Telefon : 03-88919000  
No. Fax : 03-88919300

ISBN 978-967-0763-65-1



9 789670 763651

# KANDUNGAN



**01**

Prakata

**06**

Ringkasan Eksekutif

**08**

Ekosistem TVET Malaysia

**14**

Evolusi Politeknik Malaysia

- Evolusi Politeknik
- Pencapaian Politeknik

**53**

Hala Tuju Transformasi Politeknik 2023-2030

Pemacu Perubahan  
Tranformasi Politeknik 2.0  
Kerangka Transformasi 2023-2030  
Objektif Strategik (SO)  
Agenda Pembaharuan Kritikal (CRA)  
Inisiatif Pembaharuan Berstrategik (SRI)

**89**

Rantaian Ke Hadapan

**95**

Impak Transformasi Politeknik

**98**

Kesimpulan



# AMANAT

## Perdana Menteri



“ Pendidikan ialah hak asasi setiap rakyat. Kita mesti memastikan langkah terbaik bagi menangani peningkatan bilangan anak-anak yang tercicir daripada sistem pendidikan. Sekian lama, pendidikan bersifat penawaran (*supply driven*). Supaya lebih mantap memenuhi keperluan pembangunan, sistem pendidikan negara perlu lebih berminda permintaan (*demand driven*) terutamanya dalam mengeratkan kerjasama dengan industri dan majikan, terutamanya dalam pelaksanaan TVET. Menyedari hakikat bahawa kita kini hidup dalam ekonomi global yang sentiasa berubah dan mencabar, maka perlunya sebuah pendekatan pembelajaran sepanjang hayat yang lebih progresif untuk semua rakyat Malaysia. Kita perlu menyediakan laluan pembelajaran sepanjang hayat dalam apapun kemahiran yang ingin rakyat pelajari, sama ada di universiti, institusi TVET, maupun kemahiran *micro credentials* yang diperlukan ”

PETIKAN UCAPAN YAB DATO' SERI ANWAR IBRAHIM  
PERDANA MENTERI

EKONOMI MADANI: MEMPERKASA RAKYAT  
27 Julai 2023 (Khamis) | 9:00 pagi | Suruhanjaya Sekuriti

“ Kerajaan komited untuk memperkasa Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET). Dalam hubungan ini, tenaga pengajar TVET akan digalakkan untuk menjalani latihan kemahiran dan latihan kemahiran semula bagi melengkapkan mereka dengan pengetahuan yang seiring dengan perkembangan teknologi baru muncul. Bagi meningkatkan kerjasama antara Kerajaan bersama GLC dan syarikat swasta dalam transformasi program TVET, inisiatif menggalakkan penglibatan industri dalam pelaksanaan program TVET telah diberikan keutamaan ”

PETIKAN UCAPAN YAB DATO' SERI ANWAR IBRAHIM  
PERDANA MENTERI

RANCANGAN MALAYSIA KEDUA BELAS 2021-2025:  
MALAYSIA MADANI: MAMPAN, SEJAHTERA DAN  
BERPENDAPATAN TINGGI 11 September 2023 (Isnin) | 10:00 pagi  
| Dewan Rakyat

# AMANAT

*Timbalan  
Perdana Menteri*

“

**Institusi Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) perlu terus memainkan peranan melahirkan tenaga kerja yang cekap, berkemahiran dan menyumbang kepada pembangunan negara serta memenuhi keperluan pasaran pekerjaan era semasa.**

**Cabaran Revolusi Perindustrian 4.0 serta era pendigitalan menuntut generasi muda mempersiapkan diri dengan kemahiran baharu untuk bersaing di arena global.**

”

Petikan Ucapan di Hari TVET Negara, 2 Jun 2023

**YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI**  
Timbalan Perdana Menteri  
Merangkap  
Pengerusi Majlis TVET Negara



# PERUTUSAN

## Menteri Pendidikan Tinggi



Terlebih dahulu, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) di atas usaha merangka Hala Tuju Transformasi Politeknik 2023-2030 dan ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakannya. Kerajaan komited untuk memperkasa Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional(TVET) dengan menambah baik ekosistem TVET bagi membangunkan bakat tersedia masa hadapan ketersediaan pekerja teknikal mahir. Hasrat ini penting bagi memastikan bakat yang dihasilkan memenuhi keperluan pekerjaan masa hadapan dan serba boleh dalam menyesuaikan diri dengan perubahan. Dalam konteks ini, reformasi ekosistem TVET di peringkat kementerian menjadi titik penting serta kritikal dalam memastikan perencanaan berterusan untuk melonjakkan pencapaian TVET negara.

Hala Tuju Transformasi Politeknik 2023-2030 merupakan jaminan yang teguh daripada pihak Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) untuk menjelmakan tuntutan reformasi yang didambakan dengan usaha dan upaya memaknai landasan pembangunan negara. Hala Tuju Transformasi Politeknik 2023-2030 yang direncanakan oleh JPPKK adalah satu langkah ke hadapan yang wajar dipuji. Saya berharap politeknik akan terus mengorak langkah untuk menjadi institusi yang berdaya saing, yang dihormati dan menjadi pilihan oleh pelajar dan masyarakat di luar sana.

Kementerian Pendidikan Tinggi akan sentiasa memberi sokongan dan dorongan kepada politeknik demi memastikan kejayaan pencapaian agenda ini. Saya berdoa agar aspirasi transformasi dapat dicapai dengan jayanya dan berharap segenap lapisan warga politeknik akan terus komited dalam merealisasikan matlamat ini. Semoga usaha murni kita mendapat restu dan keberkatan daripada ALLAH S.W.T jua.

**Yang Berhormat  
Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin  
Menteri Pendidikan Tinggi**

# PERUTUSAN

*Timbalan  
Ketua Setiausaha  
(Dasar)*



Politeknik adalah salah sebuah institusi pengajian di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi. Sejak penubuhan politeknik pertamanya iaitu, Politeknik Ungku Omar, Ipoh, graduan politeknik telah berkecimpung dalam pelbagai sektor industri pembuatan dan pembinaan sehingga negara telah mencapai kemajuan ekonomi yang pesat. Pengajian di politeknik merupakan kesinambungan pendidikan di sekolah. Tanggungjawab kita di Kementerian Pendidikan Tinggi adalah untuk memastikan lepasan sekolah dibentuk dengan pengetahuan yang seimbang, kemahiran industri dan insaniah yang mencukupi dan sikap positif agar dapat melahirkan modal insan yang dapat memberi sumbangan bermakna kepada negara.

Hala Tuju Transformasi Politeknik 2023-2030 yang dianjurkan ini sebenarnya seiring dengan hasrat kementerian iaitu untuk memperkasa pengajian tinggi demi kepentingan pembangunan negara dan memartabatkannya di persada nasional dan antarabangsa. Transformasi menuntut perubahan sikap dan komitmen yang tinggi semua pihak khususnya daripada kalangan warga politeknik. Saya percaya segenap lapisan masyarakat akan teruja menantikan perubahan yang akan kunjung tiba. Ianya akan memberi politeknik satu penampilan baharu yang memberi kesan bukan sahaja kepada pelajar lepasan pendidikan menengah, tetapi kepada kualiti graduat yang akan dihasilkan kelak.

Kita berharap pihak industri akan menerima baik usaha yang dirancang ini kerana mereka merupakan *beneficiary* terbesar inisiatif ini. Akhir kata, syabas dan tahniah kepada Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) kerana telah berjaya mengkonsepsi transformasi ini sehingga menjadi agenda yang mantap.

## Yang Berbahagia

Dato' Dr. Haji Megat Sany bin Megat Ahmad Supian  
Timbalan Ketua Setiausaha(Dasar)  
Menjalankan tugas  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Tinggi

# PERUTUSAN

## Ketua Pengarah



Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) diwujudkan untuk menyokong Kementerian Pendidikan Tinggi dalam menyempurnakan tanggungjawab menjana tenaga kerja mahir. Tanggungjawab ini telah dipenuhi sejak tahun 1969 dengan tertubuhnya politeknik pertamanya di Ipoh. Kini, dengan 36 buah politeknik di seluruh negara, lebih 676,272 orang telah melalui pengajian dalam pelbagai program bidang kejuruteraan, teknologi, perdagangan dan perkhidmatan yang memberi sumbangan kepada negara dan masyarakat.

Dalam tempoh 54 tahun ini, politeknik telah menelusuri fasa transformasi sejarah dengan revolusi perubahan semasa. Tanggungjawab yang digalas politeknik telah diurus dengan perancangan dan pelaksanaan yang mengambil kira keperluan semua pihak terutamanya pihak industri. Sementara politeknik boleh berbangga dengan pencapaiannya, kini cabaran era ekonomi global menuntut semua pihak yang terlibat untuk melakukan perubahan supaya modal insan berdaya maju dapat dijanakan dalam segala inisiatifnya. Inisiatif ini perlu diurus dengan strategik agar ianya mempunyai gerakan sinergi yang mampu menerobos perangkap minda dan fizikal yang menjadi halangan kepada kemajuan politeknik selama ini.

Saya yakin dengan ketrampilan diri, model minda, hala tuju yang dikongsi bersama, pembelajaran berpasukan dan pemikiran bersistem; kesemuanya ciri penting dalam *learning organisation*, politeknik mampu melakukan transformasi demi mendepani cabaran yang lebih getir dan hebat. Usaha ini menuntut komitmen semua pihak, baik warga di institusi maupun di Jabatan. Justeru, marilah kita bersama-sama berganding bahu dalam usaha yang telah direncanakan untuk mengangkat prestasi politeknik pada tahap yang lebih tinggi seiring gagasan Malaysia MADANI.

### Yang Berusaha

**Dr. Hj. Mohd. Zahari bin Ismail**

Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti

A photograph of the Kuala Lumpur city skyline during sunset or sunrise. The sky is a gradient from light blue to orange. In the foreground, there's a green hillside. The city features several iconic buildings, including the Petronas Twin Towers and the KL Tower. A prominent modern skyscraper with a unique, angular, multi-colored facade (blue, white, yellow, and green) stands in the center-right. A thin blue horizontal line runs across the middle of the image, intersecting the central skyscraper.

*Hala Tuju*  
**TRANSFORMASI**  
**POLITEKNIK**  
2023-2030

# RINGKASAN EKSEKUTIF

Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12)(2021-2025), gagasan Malaysia MADANI dan disusuli Ekonomi MADANI memeta matlamat reformasi ke landasan yang lebih baik. Kerangka dasar ini telah dicerakim dalam Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga (NETR), Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) dan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (KSP RMK12) sebagai prakarsa baharu bagi memacu pertumbuhan sosioekonomi Malaysia untuk tempoh sepuluh tahun. Peluang yang dijangka meningkatkan prestasi yang ketara di peringkat ekonomi, sosial, persekitaran dan teknologi merupakan peluang terbaik dalam mentransformasi politeknik Malaysia. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melalui Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) berperanan untuk memastikan keperluan tenaga kerja negara tahap separa profesional dan eksekutif pertengahan dapat dipenuhi secara bersepada mengikut kehendak industri.

Seiring dengan hasrat negara untuk membangun dalam model ekonomi dan inisiatif pelan hala tuju yang baharu, pihak Kementerian Pendidikan Tinggi menetapkan bahawa politeknik perlu diperkasakan dengan imej baharu supaya ia mampu bersaing dan menjadi institusi pilihan utama semua pihak pemegang taruh. Justeru Hala Tuju Transformasi Politeknik 2023-2030 telah dicernakan, hasil daripada input pelbagai pihak termasuk pihak pelanggan dan pemegang taruh seperti pihak industri, pemimpin masyarakat dan agensi kerajaan pusat. Matlamat utama agenda transformasi ini adalah untuk melestarikan pembangunan modal insan keluaran politeknik yang akhirnya akan menghasilkan keupayaan baharu kepada politeknik bagi membangunkan sumber manusia negara melangkaui tahun 2030.

Secara umumnya, Hala Tuju Transformasi Politeknik 2023-2030 ini menghuraikan tentang ekosistem TVET Malaysia, evolusi Politeknik Malaysia dan hala tuju transformasi politeknik 2023-2030 bagi mencapai aspirasi. Hala Tuju Transformasi Politeknik 2023-2030 yang fokus terhadap landasan pembangunan negara, isu-isu yang menjadi cabaran serta peluang yang memandu ke arah hala tuju transformasi politeknik.



# RINGKASAN EKSEKUTIF

Selain itu juga, hala tuju transformasi politeknik merumuskan langkah ke hadapan menerusi gambaran kerangka transformasi politeknik 2023-2030 bersama empat (4) matlamat, tiga (3) Inisiatif Pembaharuan Berstrategik (SRI), 13 Agenda Pembaharuan Kritikal (CRA) dan 18 Strategik Objektif yang merencanakan politeknik menuju kecemerlangan menerusi sasaran yang akan dipantau secara berkala bagi tempoh tahun 2023 hingga tahun 2030.

Hala Tuju Transformasi Politeknik 2023-2030 yang membawa harapan dan memberi peranan baharu kepada politeknik dalam memperkasa rakyat adalah wadah mengangkat semula darjat dan martabat negara ini dengan menstruktur semula ekonomi ke arah Malaysia sebagai peneraju ekonomi di rantau Asia Tenggara. Menjelang tahun 2030, anjakan peningkatan enrolmen politeknik kepada 120,000 pelajar dengan 35,000 peningkatan perluasan akses seterusnya pengeluaran 24,000 tenaga kerja mahir. Politeknik turut memberi ruang kepada 3,000 pekerja industri terlibat dengan latihan semula reskilling & upskilling kepada pekerja industri sebagai permulaan dalam mempelajari bidang-bidang tertentu melalui kursus yang fleksibel dan mudah alih. Dengan komitmen semua warga dan sokongan semua pihak dalam Kerajaan, politeknik mampu menjayakannya. Sehubungan dengan ini, Hala Tuju Transformasi Politeknik ini amat penting untuk mencapai hasrat membawa politeknik ke posisi yang disasarkan iaitu menjadi hab bakat dan pengetahuan yang unggul dalam tempoh pelaksanaan yang ditetapkan. Akhirnya, sumbangan penting Hala Tuju Transformasi Politeknik ini dijangka dapat dilihat melangkaui tahun 2030.





# EKOSISTEM TVET MALAYSIA

# PENDAHULUAN

Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) berperanan sebagai pemacu perubahan dalam melahirkan modal insan berkemahiran tinggi dan meningkatkan daya saing tenaga kerja tempatan serta menjadi pemacu pembangunan negara. Sebagai pemangkin utama dalam pembangunan sosioekonomi Malaysia, ekosistem TVET yang kukuh akan membolehkan negara menangani isu yang masih berlarutan antaranya seperti kebergantungan kepada pekerja asing dan juga ketidakpadanan penawaran graduan dengan permintaan industri.

Melalui TVET, individu akan dididik dan dilatih untuk memasuki alam pekerjaan yang kompleks dan kerap berubah. TVET yang dipelajari akan mampu memenuhi permintaan industri dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi, selaras dengan globalisasi, ekonomi berasaskan pengetahuan, kemajuan teknologi dan mobiliti tenaga kerja global.

“ TVET sebagai aspek proses pendidikan selain pendidikan umum yang melibatkan pembelajaran dalam bidang teknologi dan sains berkaitan, dan juga latihan kemahiran praktikal, sikap, pemahaman, dan pengetahuan tentang pekerjaan dalam pelbagai sektor ekonomi dan kehidupan sosial”

*United Nations Organisation for Education, Science and Culture (UNESCO)*

## MENAMBAH BAIK EKOSISTEM TVET BAGI MEMBANGUNKAN BAKAT TERSEDIA MASA HADAPAN

### Mengapa TVET penting?

**Ekosistem TVET yang kukuh merupakan teras utama kepada pembangunan sosioekonomi Malaysia. Dengan adanya ekosistem TVET ini akan :**

- Menangani isu kebergantungan kepada pekerja asing, pampasan pekerja (CE) yang rendah dan keciciran pelajar;
- Mengurangkan jurang antara kualiti graduan dan keperluan industri;
- Meningkatkan kualiti institusi TVET dan menggalakkan lebih banyak kerjasama industri;
- Meningkatkan kemahiran komuniti di kawasan luar bandar; dan
- Menjadikan TVET pilihan utama pelajar.

### Apakah hasil pelaksanaan?

**Graduan TVET memenuhi permintaan industri :**

- Lebih banyak kerjasama dengan industri utama;
- Peningkatan kemasukan pelajar lepasan SPM kepada 55% dan penawaran lebih banyak kursus berkaitan 4IR;
- Graduan TVET yang berkelayakan diiktiraf sebagai profesional oleh Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT);
- Lebih banyak pekerjaan baharu diwujudkan melalui keusahawanan;
- Pengurangan kebergantungan kepada buruh asing; dan
- Peratusan pampasan pekerja (CE) yang lebih tinggi.

Sumber : Pemacu Perubahan, Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025

# EKOSISTEM TVET MALAYSIA

Di Malaysia, program TVET dilaksanakan oleh institusi TVET Awam dan institusi TVET swasta merangkumi pelbagai bidang yang menjadi keperluan sektor ekonomi negara. Sehingga 31 Mei 2023, sebanyak 1,344 buah institusi TVET termasuk institusi TVET di bawah Kerajaan Negeri dan swasta. Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) yang terdiri daripada empat (4) buah universiti awam iaitu Universiti Malaysia Perlis, Universiti Malaysia Pahang, Universiti Teknikal Melaka Melaka (UTeM) dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) yang memfokuskan penawaran program pengajian peringkat ijazah sarjana muda dalam TVET. Universiti Kuala Lumpur (UniKL) dan German-Malaysia Institute (GMI) pula antara institusi swasta yang menawarkan pendidikan tinggi TVET. Setiap institusi TVET yang ada di Malaysia mempunyai keunikan tersendiri bagi memenuhi keperluan pasaran buruh negara.

## LANDSKAP INSTITUSI TVET DI MALAYSIA

**1,345**  
INSTITUSI TVET

12 KEMENTERIAN

669 INSTITUSI TVET KEMENTERIAN

24 INSTITUSI TVET KERAJAAN NEGERI

652 INSTITUSI TVET SWASTA

**4,162**

KURSUS/PROGRAM  
(Institusi TVET Awam Sahaja)



Rajah 1

Landskap Institut TVET Malaysia  
Sumber : Laman Sesawang <https://www.tvet.gov.my/>  
31 Mei 2023

# EKOSISTEM TVET MALAYSIA

Institusi TVET awam pada masa ini ditadbir urus oleh dua belas (12) buah kementerian, merangkumi institusi Latihan TVET awam dan swasta yang sedang beroperasi dengan menawarkan program TVET yang bersesuaian dengan kumpulan sasar yang ditetapkan.

## 12 KEMENTERIAN

### Kementerian Pendidikan Tinggi

1. MTUN (Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia)	4
• Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)	
• Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)	
• Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)	
• Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA)	
2. Politeknik	36
3. Kolej Komuniti	105

**145**

### Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah

1. MJIIT (Malaysia-Japan International Institute of Technology)	1
2. UNIKL (Universiti Kuala Lumpur)	13
3. GMI (German Malaysia Institute)	1
4. KKTM (Kolej Kemahiran Tinggi Mara)	10
5. Akademi Kemahiran Kemas	2
6. Kolej Keda	1
7. PERDA-TECH	1
8. IKM (Institut Kemahiran Mara)	14
9. UCAM (University College Agroscience Malaysai)	1
10.Kolej Risma	2
11.Kolej Ketengah	1
12.Pusat Latihan JAKOA	1
13.GiatMARA	232

**280**

### Kementerian Sumber Manusia

1. ILP (Institut Latihan Perindustrian)	23
2. ADTEC (Advanced Technology Training Center)	8
3. JMTI (Japan Malaysia Technical Institute)	1
4. CIAST (Centre for Instructoe and Advanced Skill Training)	1

**33**

### Kementerian Belia dan Sukan

1. IKTBN (Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara)	8
2. IKBN (Institut Kemahiran Belia Negara)	13
3. AKBG(Akademik Kemahiran Belia Golf)	1

**22**

### Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan

1. Institut Latihan Pertanian	16
-------------------------------	----

**16**

### Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya

1. ASWARA (Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan)	1
2. Institut Kraf Negara	1

**2**

### Kementerian Kerja Raya

1. Akademi Binaan Malaysia	6
2. CIDB Technologies	7

**13**

### Kementerian Perusahaan Perludangan dan Komoditi

1. IMPAC (Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia)	1
---	---

**1**

### Kementerian Pendidikan Malaysia

1. Kolej Vokasional	85
---------------------	----

**85**

### Kementerian Dalam Negeri

1. PUSPEN (Pusat Pemulihian Penagihan Narkotik)	7
2. PVI (Pusat Vokasional Industri)	39

**46**

### Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

1. PLPP (Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihian)	1
2. Bengkel Daya	2

**3**

### Kementerian Pertahanan

1. Kolej PERHEBAT	1
2. PLBV (Pusat Latihan dan Bimbingan Veteran)	15

**16**


Rajah 2 Bilangan institusi TVET di pelbagai kementerian dan agensi

Sumber : Laman Sesawang <https://www.tvet.gov.my/>  
31 Mei 2023

# EKOSISTEM TVET MALAYSIA

Dua (2) agensi kawal selia utama pelaksanaan program TVET adalah Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), Kementerian Pendidikan Tinggi dan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia. Agensi kawal selia ini bertanggungjawab dari aspek pengakreditasi dan juga jaminan kualiti program yang dijalankan oleh penyedia TVET.

## LANDSKAP AKREDITASI TVET MALAYSIA



Rajah 3


Landskap Akreditasi TVET Malaysia

Sumber : Adaptasi Laman Sesawang <https://www.tvet.gov.my/>  
31 Mei 2023

# EKOSISTEM TVET MALAYSIA

## KEMASUKAN, ENROLMENT DAN KELUARAN TVET MALAYSIA

### LANDSKAP PENDIDIKAN TVET (LEPASAN SPM & SETARAF) SASARAN 55% MENJELANG 2025



Sumber : Fakta Ringkas MTVET Sehingga 31 Mei 2023  
Sekretariat Majlis TVET Negara(MTVET)

### KADAR KEBOLEHPASARAN GRADUAN TVET KPT 2020-2022 SASARAN 86.7% MENJELANG 2025

**87%**  
2020

**88%**  
2021

**92.5%**  
2022

**86.7%**  
(2025)

Rajah 4

Kadar Kemasukan, Enrolmen, Keluaran dan Kebolehpasaran TVET  
Institusi TVET KPT : MTUN, Politeknik dan Kolej Komuniti

*The National Graduate Employability Blueprint (2012 - 2017) telah memperincikan komponen kebolehpasaran graduan yang terdiri daripada:*

- i. Graduan bekerja;
- ii. Graduan yang melanjutkan pengajian;
- iii. Graduan yang sedang mengikuti latihan peningkatan kemahiran; dan
- iv. Graduan yang sedang menunggu penempatan pekerjaan.

Sumber : Sistem Kajian Pengesahan Graduan (SKPG) TVET KPT,2022



# EVOLUSI

## POLITEKNIK MALAYSIA

# **EVOLUSI POLITEKNIK**

Politeknik merupakan institusi pendidikan tinggi awam (IPTA) yang ditubuhkan di bawah Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]. Penubuhan politeknik adalah merujuk kepada seksyen 34(1)(c) di bawah Bab 6 Institusi Pendidikan Lain. Secara khususnya, perihal pendidikan dan latihan di politeknik dirangkum dalam seksyen 35 hingga 39 dengan memberi kuasa kepada Menteri untuk membuat peraturan-peraturan di bawahnya bagi peraturan kurikulum, peperiksaan dan penganugerahan. Pendidikan Teknik dan Politeknik termasuklah penyediaan:

- (a) Latihan kemahiran;
- (b) Latihan khusus yang berhubungan dengan pekerjaan tertentu;
- (c) Latihan bagi meningkatkan kemahiran yang sedia ada; dan
- (d) Apa-apa latihan teknik atau vokasional lain yang diluluskan oleh menteri.

Penubuhan politeknik ini bertujuan untuk mengeluarkan tenaga kerja mahir di peringkat separa profesional dalam bidang teknik dan perdagangan. Selain itu, kekurangan ahli-ahli teknik yang berkelayakan untuk perusahaan-perusahaan serta kekurangan kakitangan yang berkelayakan bagi membantu urusan-urusan perniagaan juga menjadi pendorong kepada penubuhan politeknik.

Sejak penubuhan politeknik pertama, dasar-dasar Kerajaan telah mengukuhkan peranan politeknik dalam memenuhi permintaan tenaga kerja negara. Dasar-dasar pihak kementerian seperti Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025 juga telah memperkuuhkan lagi peranan politeknik melahirkan graduan TVET berkualiti.




**"Keutamaan pembinaan  
Politeknik dan Kolej Komuniti di  
kawasan-kawasan yang tidak  
mempunyai apa-apa institusi  
latihan lain seperti Pusat Giat  
MARA, Institut Kemahiran  
MARA dan sebagainya"**

Petikan ucapan YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin,  
Menteri Pendidikan Tinggi  
di Penggulungan Peringkat Dasar Perbahasan Belanjawan 2024  
30 Oktober 2023, Parlimen Malaysia.

# EVOLUSI POLITEKNIK

Pendidikan politeknik mula diperkenalkan di Malaysia melalui Pelan Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa bersatu pada tahun 1969 dengan penubuhan politeknik pertama iaitu Politeknik Ungku Omar (PUO) bawah Rancangan Malaysia Pertama (RMKe-1) bermula 1966 hingga 1970. Kepentingan TVET dikukuhkan lagi dalam RMKe-3 melalui resolusi yang telah dipersetujui oleh Jemaah Kabinet dalam Pelan Pelaksanaan Pendidikan (1979) dan Pelan Industri Kebangsaan 1985-1995. Keputusan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Latihan (1991) telah memberi ruang kepada penambahan bilangan politeknik dan penawaran program-program pengajian bagi memenuhi pasaran pekerjaan negara dalam bidang kejuruteraan, perdagangan dan perkhidmatan. Bermula titik inilah fasa perkembangan pesat penubuhan politeknik.



Rajah 5 Evolusi Perkembangan Politeknik Mengikut Rancangan Malaysia

## RMKe-7 hingga RMKe-10 Fasa perkembangan pesat penubuhan politeknik

- **RMKe-8** : Bermula penubuhan politeknik mengikut bidang tujuan
- **RMKe-10** : Bermula penubuhan politeknik METR0

## Game Changer pemangkin perkembangan Politeknik Malaysia

- **RMKe-8** : Meningkatkan kapasiti Institusi Pendidikan dan Latihan
- **RMKe-9** : Membangunkan modal insan
- **RMKe-10**: Mengarusperdana dan memperluas akses kepada TVET
- **RMKe-11** : Mentransformasi TVET untuk memenuhi permintaan industri
- **RMKe-12**: Menambah baik ekosistem TVET

## TRANSFORMASI POLITEKNIK 1.0

“Agenda Transformasi Politeknik dilaksanakan dalam tempoh masa RMKe-10. Transformasi ini berteraskan pemerkasaan politeknik, pembangunan program dalam bidang tujuan tertentu, tenaga pengajar dan kakitangan yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi serta imej dan budaya kerja cemerlang”

Hala Tuju Transformasi Politeknik, 2009

# EVOLUSI POLITEKNIK

## JABATAN YANG MENGAWAL SELIA POLITEKNIK :

<b>1969</b>	Bahagian Pendidikan Teknikal dan Vokasional (BPTV)	Kementerian Pelajaran	Kelulusan Penubuhan Politeknik Pertama
<b>2000</b>	Jabatan Pendidikan Teknikal (JPTek)	Kementerian Pendidikan	Kelulusan Penubuhan Kolej Komuniti
<b>2004</b>	Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK)	Kementerian Pengajian Tinggi	
<b>2008</b>	1. Jabatan Pengajian Politeknik 2. Jabatan Pengajian Kolej Komuniti	Kementerian Pengajian Tinggi	
<b>2013</b>	1. Jabatan Pengajian Politeknik 2. Jabatan Pengajian Kolej Komuniti	Penggabungan KPM & KPT	
<b>2015</b>	1. Jabatan Pengajian Politeknik 2. Jabatan Pengajian Kolej Komuniti	Kementerian Pengajian Tinggi <i>(Kabinet Baharu 28 Julai 2015)</i>	
<b>2018</b>	Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti <i>(Penggabungan JPP &amp; JPKK 16 Mac 2018)</i>	Penggabungan KPM & KPT	
<b>2020</b>	Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti	Kementerian Pengajian Tinggi <i>(Kabinet Baharu 10 Mac 2020)</i>	
<b>2021</b>	Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti	Kementerian Pengajian Tinggi <i>(Kabinet Baharu 30 Ogos 2021)</i>	
<b>2022</b>	Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti	Kementerian Pendidikan Tinggi <i>(Kabinet Baharu 2022)</i>	


Rajah 6 Evolusi Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti

Sejajar dengan penubuhan Kementerian Pengajian Tinggi pada tahun 2004 politeknik telah diletakkan di bawah KPT. Pada tahun yang sama JPPKK telah diluluskan terdapat dua sektor di bawah Ketua Pengarah (KP) JPPKK iaitu Sektor Pengurusan Politeknik (TKP Politeknik) dan Sektor Pengurusan Kolej Komuniti (TKP Kolej Komuniti) di Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK). Namun demikian pada tahun 2008 berlaku pemisahan JPPKK kepada Jabatan Pengajian Politeknik (JPP) dan Jabatan Pengajian Kolej Komuniti (JPKK) yang diketuai oleh Ketua Pengarah Politeknik dan Ketua Pengarah Kolej Komuniti. Bermula tahun 2018, penggabungan semula JPP dan JPKK menjadi Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) ke arah pengurusan yang bersepadan dan dinamik.

# EVOLUSI POLITEKNIK

## KATEGORI POLITEKNIK DI MALAYSIA

Sejak tahun 1969, evolusi politeknik telah melalui beberapa fasa perkembangan bermula politeknik jenis konvensional iaitu politeknik yang menjalankan program merentasi pelbagai bidang seperti kejuruteraan, teknologi, perdagangan dan perkhidmatan. Dalam RMKe-10 dan selari dengan hala tuju Transformasi Politeknik yang dilancarkan pada tahun 2010, tiga (3) jenis politeknik telah diperkenalkan iaitu Politeknik Premier, Politeknik Konvensional dan Politeknik METrO. Berikut adalah bilangan terkini politeknik berserta kategori:



### POLITEKNIK PREMIER

- Penawaran program pengajian di peringkat sijil khas, diploma dan ijazah sarjana muda berdasarkan bidang tujuan politeknik .
- Terdapat tiga politeknik premier iaitu :
  - i. Politeknik Ungku Omar, Perak (PUO)
  - ii. Politeknik Sutan Salahudin Abdul Aziz Shah, Selangor (PSA)
  - iii. Politeknik Ibrahim Sultan, Johor (PIS)

### POLITEKNIK KONVENTIONAL

- Penawaran program pengajian dalam pelbagai bidang di peringkat sijil khas dan diploma dalam bidang kejuruteraan, teknologi dan perkhidmatan.
- Program berdasarkan keperluan wilayah dan negara

### POLITEKNIK METrO

- Penawaran program pengajian dalam bidang perkhidmatan di peringkat diploma yang berdasarkan persekitaran sosio ekonomi masyarakat bandar dan keperluan industri.
- Kini terdapat lima (5) politeknik METrO iaitu :

i. Politeknik METrO Kuala Lumpur	PMKL
ii. Politeknik METrO Kuantan	PMKU
iii. Politeknik METrO Johor Bahru	PMJB
iv. Politeknik METrO Betong Sarawak	PMBS
v. Politeknik METrO Tasek Gelugor	PMTG




# EVOLUSI POLITEKNIK

## KEDUDUKAN POLITEKNIK MALAYSIA

Setelah 54 tahun penubuhannya, kini sebanyak 36 buah politeknik telah beroperasi meliputi semua negeri di Malaysia. Kesemua politeknik sedia ada adalah di bawah kawal selia Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK). Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (KP PPKK) bertanggungjawab merancang, mengawalselia, mengukur pencapaian dan memformulasikan penambahbaikan berterusan sistem pendidikan politeknik Malaysia.

Sepanjang tempoh ini, pelbagai kejayaan telah dicapai oleh Politeknik Malaysia. Secara keseluruhan, enam (6) fokus utama pencapaian politeknik yang boleh dibanggakan iaitu dalam aspek (i) Governan (ii) Pelajar dan graduan (iii) Warga politeknik (iv) Program pengajian (v) Sinergi politeknik dan industri serta (vi) Penyelidikan dan inovasi. Kesemua fokus ini memberi kesan yang signifikan kepada perkembangan politeknik dan seterusnya mengorak langkah sebagai peneraju TVET berdaya saing.



Rajah 7 → Lokasi politeknik Malaysia mengikut negeri

# PELANCARAN PROGRAM ASASI TVET



## PENCAPAIAN POLITEKNIK



GOVERNAN



PELAJAR



PROGRAM  
PENGAJIAN



PENSYARAH



PENYELIDIKAN  
& INOVASI



JARINGAN  
INDUSTRI



# GOVERNAN



GOVERNAN

## GOVERNAN

### VISI JPPKK

**"Menjadi Peneraju Institusi TVET Yang Unggul"**

### MISI JPPKK

1. Menyediakan akses yang meluas kepada program TVET berkualiti dan diiktiraf
2. Memperkasa komuniti melalui pembelajaran sepanjang hayat
3. Melahirkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang
4. Memanfaatkan sepenuhnya perkongsian pintar dengan pihak berkepentingan



# GOVERNAN

## PENGIKTIRAFAN ANTARABANGSA

Kemampuan institusi TVET memerlukan tadbir urus yang mantap, responsif dan mampan. Justeru, peluang dan ruang yang ada perlu sentiasa ditambah baik dari masa ke semasa. Keberhasilannya, politeknik telah mendapat pelbagai pengiktirafan di peringkat nasional maupun antarabangsa. Antara pengiktirafan yang telah mengangkat martabat TVET negara adalah apabila tujuh (7) buah politeknik berjaya memperoleh pengiktirafan akreditasi daripada Asia Pacific Accreditation and Certification Commission (APACC).

Pada tahun 2023, dua (2) politeknik iaitu Politeknik Port Dickson (PPD) dan Politeknik Ungku Omar (PUO) menerima pengiktirafan tertinggi dengan memperoleh Anugerah Platinum dan hanya tiga (3) institusi di Malaysia termasuk PPD dan PUO yang berjaya berada di tahap ini. Pencapaian ini diikuti dengan lima (5) politeknik lain yang turut cemerlang dengan memperoleh Anugerah Emas.

Politeknik komited dalam usaha menjaga kelestarian alam sekitar bagi merealisasikan Matlamat Pembangunan Mampan atau lebih dikenali sebagai *Sustainable Development Goals* (SDGs). Lapan (8) buah politeknik telah mendapat Pengiktirafan UI GreenMetric World University Rankings pada tahun 2022. Pengiktirafan-pengiktirafan di peringkat antarabangsa ini membuktikan bahawa politeknik bergerak seiring dengan institusi pendidikan tinggi lain di Malaysia dan global.



### POLITEKNIK MENDAPAT PENGIKTIRAFAN APACC 2023



Politeknik Port Dickson (PPD)

Politeknik Ungku Omar (PUO)



Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS)

Politeknik Kota Bharu (PKB)

Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS)

Politeknik Seberang Perai (PSP)

Politeknik Kuching Sarawak (PKS)

### POLITEKNIK MENDAPAT PENGIKTIRAFAN UI GREENMETRIC WORLD UNIVERSITY RANKING 2022

1050 UNIVERSITI DARI 85 NEGARA

Institusi

Kedudukan

Politeknik Merlimau Melaka (PMM) 322

Politeknik Mersing Johor (PMJ) 445

Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS) 484

Politeknik Seberang Perai (PSP) 551

Politeknik Mukah (PMU) 595

Politeknik Kuching Sarawak (PKS) 612

Politeknik Banting Selangor (PBS) 819

Politeknik Nilai (PNS) 965



# GOVERNAN

## CENTRE OF TECHNOLOGY (CoT)



Bagi menggalakkan kecemerlangan dalam bidang tujuan program pengajian yang ditawarkan melalui kolaborasi, penyelidikan dan inovasi serta pembangunan kepakaran, Centre of Technology (CoT) telah mula diperkenalkan di politeknik pada tahun 2010. Setelah usaha berterusan selama 13 tahun, 12 CoT di 11 buah politeknik dengan bidang tujuan yang berbeza telah menunjukkan pencapaian sebagai pusat rujukan yang cemerlang dan mampu menyediakan khidmat perundingan kepada pengamal-pengamal industri. Di samping itu, CoT juga diwujudkan bagi memperkasakan program-program pengajian yang berkaitan terutamanya dari aspek penguasaan kepada teknologi-teknologi memuncul (*emerging technologies*) dan amalan terbaik di industri.

- |  |  |
|--|--|
|  | <b>POLITEKNIK UNGKU OMAR</b><br>Centre of Technology in Marine Engineering (CTME)                      |
|  | <b>POLITEKNIK UNGKU OMAR</b><br>Centre of Air-Conditioning and Refrigeration (CARe)                    |
|  | <b>POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH</b><br>Centre for Medical Electronic Technology (CMET) |
|  | <b>POLITEKNIK IBRAHIM SULTAN</b><br>Creative Design Centre (CDeC)                                      |
|  | <b>POLITEKNIK SULTAN IDRIS SHAH</b><br>Centre of Environmental Technology (CENTA)                      |
|  | <b>POLITEKNIK SULTAN AZLAN SHAH</b><br>Centre of Automative and Manufacturing Technology (POLCAM)      |
|  | <b>POLITEKNIK SULTAN HAJI AHMAD SHAH</b><br>Centre of Food Science and Technology (CFoST)              |
|  | <b>POLITEKNIK SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH</b><br>Centre of Town and Regional Planning (CToP)      |
|  | <b>POLITEKNIK PORT DICKSON</b><br>Centre of Architectural Technology (CART)                            |
|  | <b>POLITEKNIK TUANKU SULTANAH BAHIYAH</b><br>Mechatronic Robotic Technology Centre (MRTC)              |
|  | <b>POLITEKNIK MERLIMAU</b><br>Centre of Tourism and Hospitality (CeTraH)                               |
|  | <b>POLITEKNIK SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN</b><br>Automotive Technology Centre (ATeC)                    |



## PENGHARGAAN INISIATIF PENDIGITALAN

### Penggunaan Pengkomputeran Award



### PUSAT PENGKOMPUTERAN AWAN PENGAJIAN TINGGI (Higher Education National Cloud Computing Centre)

Kesungguhan politeknik merealisasikan agenda pendigitalan negara menarik perhatian agensi kerajaan yang lain. Ini terbukti apabila JPPKK dipilih sebagai agensi kerajaan pertama oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) untuk membangunkan Pusat Pengkomputeran Awan Pengajian Tinggi (*Higher Education National Cloud Computing Centre*) atau singkatannya HENCC. Projek bernilai RM13 juta ini memberi manfaat kepada 120 ribu pengguna terutamanya untuk pelaksanaan proses pembelajaran dan pengajaran (PdP) secara dalam talian.

### MAJLIS TVET NEGARA (MTVET)

Sebagai pembekal tenaga kerja TVET yang terbesar, JPPKK telah dilantik sebagai Sekretariat Induk Majlis TVET Negara (MTVET) bermula Disember 2020 hingga September 2022. Melalui Mesyuarat MTVET yang buat pertama pada 11 Februari 2021, (3) teras strategi agenda TVET negara telah diperaku iaitu:

- i. Tadbir urus bersepada dan terselaras;
- ii. TVET dipacu industri; dan
- iii. TVET mencorak masa hadapan

Dalam tempoh JPPKK sebagai sekretariat induk, beberapa kejayaan telah dilakar dalam sejarah negara iaitu:

- i. Hari TVET Negara telah diisytihar pada 2 Jun setiap tahun;
- ii. Penubuhan Badan Koordinasi TVET Kerajaan-Industri (GITC) dipersetujui dan diperakukan dalam Mesyuarat MTVET pada 3 Februari 2022; dan
- iii. *TVET Collaboration Hub* (TCH): Naratif Baharu Kolaborasi Bersinergi bagi Agenda Pemerkasaan TVET



Info Gambar 1 Mesyuarat Sekretariat Tetap Majlis TVET Negara 2023



## PENUBUHAN BADAN KOORDINASI TVET KERAJAAN-INDUSTRI (GITC)

Penubuhan GITC merupakan strategi kerajaan dalam mewujudkan platform bersepada bagi penerimaan dan penyampaian maklumat berkaitan TVET dari pihak industri.

Antara peranan GITC ialah sebagai badan yang akan:

- Menasihati kerajaan akan keperluan kemahiran dan guna tenaga serta teknologi tumpuan;
- Menjalinkan kerjasama strategik dengan majikan, institusi TVET, badan profesional dalam dan luar negara;
- Mempromosi program TVET dan mempergiat advokasi kerjaya melalui kerjasama aktif institusi awam dan swasta; dan
- Mengesyorkan kepada kerajaan berkenaan insentif untuk menggalakkan penyertaan industri dalam pembangunan TVET.

Keanggotaan GITC bermula daripada 12 persatuan melibatkan sektor industri terpilih bagi meningkatkan pembangunan modal insan TVET



Info Gambar 2 Mesyuarat Pertama GITC pada 9 Jun 2023



## MENCATAT SEJARAH DALAM "MALAYSIA BOOK OF RECORD"

Dalam memposisikan politeknik di mata masyarakat, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan di peringkat Kementerian, Jabatan dan Institusi. Hal ini, secara tidak langsung memberi nilai dan meningkatkan keterlihatan kepada jenama TVET yang lebih holistik.

Sebanyak 25 pengiktirafan Malaysia Book of Record yang telah diraih oleh sistem pendidikan politeknik dalam bidang kemahiran serta pembangunan komuniti dan sosial. Ia melibatkan kursus sesuai dengan pasaran seperti kepintaran buatan, Revolusi Industri 4.0 dan teknologi komunikasi maklumat.



**PROGRAM  
PENGAJIAN**

# PROGRAM PENGAJIAN

## PROGRAM PENGAJIAN RELEVAN INDUSTRI

JPPKK sentiasa memastikan program pengajian yang ditawarkan kekal relevan dengan kehendak industri dan memenuhi standard yang ditetapkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Oleh yang demikian, semua program pengajian di politeknik yang berjumlah 309 program telah diakreditasi oleh MQA, Engineering Technology Accreditation Council (ETAC) dan Technology and Technical Accreditation Council (TTAC). Akreditasi program pengajian adalah sangat penting sebagai jaminan kualiti pendidikan bagi memudahkan laluan pengajian selaras dengan Kerangka Kelayakan Malaysia atau Malaysian Qualifications Framework (MQF) serta menyediakan laluan kerjaya yang jelas bagi graduan politeknik dalam mendepani pasaran pekerjaan yang kompetitif.

### PENGIFTIRAFAN PROGRAM PENGAJIAN

309

PROGRAM DITAWARKAN

145



147



17





# PROGRAM PENGAJIAN

## BIDANG TUJAHAN POLITEKNIK

Pembangunan program pengajian dan penyelidikan dalam bidang tujuan berdasarkan kekuatan di setiap politeknik memberi satu kelebihan kepada politeknik berbanding institusi TVET yang lain. Ia secara tidak langsung berpotensi menarik lebih pelajar dan rakan kerjasama dari industri mahupun agensi-agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan. Strategi ini adalah bagi memastikan kandungan program pengajian menepati keperluan semasa dan membina ketersediaan graduan untuk mendepani cabaran semasa dan masa hadapan setelah menempuh alam pekerjaan di industri kelak.

Kategori Politeknik	Bil	Nama Penuh Politeknik	Ringkasan	Bidang Tujuan
PREMEIR	1	Politeknik Ungku Omar	PUO	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kejuruteraan Perkapalan</li> <li>Kejuruteraan Mekanikal (Penyamanan Udara dan Penyejukuan)</li> </ul>
	2	Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah	PSA	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kejuruteraan Elektronik (Perubatan)</li> </ul>
	3	Politeknik Ibrahim Sultan	PIS	<ul style="list-style-type: none"> <li>Seni Reka Kreatif dan Reka Bentuk Industri</li> </ul>
	4	Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah	POLIAS	<ul style="list-style-type: none"> <li>Teknologi Makanan</li> </ul>
	5	Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah	POLIMAS	<ul style="list-style-type: none"> <li>Perancangan Bandar dan Wilayah</li> </ul>
	6	Politeknik Kota Bharu	PKB	<ul style="list-style-type: none"> <li>Ukur Bahan</li> </ul>
	7	Politeknik Kuching Sarawak	PKS	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kejuruteraan Proses</li> </ul>
	8	Politeknik Port Dickson	PPD	<ul style="list-style-type: none"> <li>Seni Bina</li> </ul>
	9	Politeknik Kota Kinabalu	PKK	<ul style="list-style-type: none"> <li>Teknologi Berasaskan Kayu</li> </ul>
	10	Politeknik Seberang Perai	PSP	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengurusan Logistik dan Rangkaian Bekalan</li> <li>Kejuruteraan Mekanikal (Tekstil)</li> </ul>
	11	Politeknik Melaka	PMK	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kejuruteraan Awam (Sistem Bangunan Perindustrian)</li> </ul>
	12	Politeknik Kuala Terengganu	PKT	<ul style="list-style-type: none"> <li>Teknologi Maklumat (Teknologi Digital)</li> </ul>
	13	Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin	PSMZA	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kejuruteraan Mekanikal (Automotif)</li> </ul>
	14	Politeknik Merlimau Melaka	PMM	<ul style="list-style-type: none"> <li>Hospitaliti dan Pelancongan</li> </ul>
	15	Politeknik Sultan Azlan Shah	PSAS	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kejuruteraan Pembuatan Automotif</li> </ul>
	16	Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah	PTSB	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kejuruteraan Mekatronik</li> </ul>
	17	Politeknik Sultan Idris Shah	PSIS	<ul style="list-style-type: none"> <li>Teknologi Alam Sekitar</li> </ul>
KONVENTIONAL	18	Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin	PTSS	<ul style="list-style-type: none"> <li>Seni Digital</li> <li>Pengajaran Video dan Filem</li> </ul>
	19	Politeknik Muadzam Shah	PMS	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kejuruteraan Mekanikal (Automasi)</li> </ul>
	20	Politeknik Mukah	PMU	<ul style="list-style-type: none"> <li>Teknologi Maklumat (Rangkaian)</li> </ul>
	21	Politeknik Balik Pulau	PBU	<ul style="list-style-type: none"> <li>Teknologi Maklumat (Pengatucaraan)</li> </ul>
	22	Politeknik Jeli Kelantan	PJK	<ul style="list-style-type: none"> <li>Agroteknologi</li> </ul>
	23	Politeknik Nilai Negeri Sembilan	PNS	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bioteknologi</li> </ul>
	24	Politeknik Banting Selangor	PBS	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kejuruteraan Penyenggaraan Pesawat</li> </ul>
	25	Politeknik Mersing Johor	PMJ	<ul style="list-style-type: none"> <li>Embedded Technology</li> </ul>
	26	Politeknik Hulu Terengganu	PHT	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengurusan Pelancongan</li> </ul>
	27	Politeknik Sandakan Sabah	PSS	<ul style="list-style-type: none"> <li>Akuakultur</li> </ul>
	28	Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail	PTSN	<ul style="list-style-type: none"> <li>Petrokimia</li> </ul>
	29	Politeknik Besut Terengganu	PBT	<ul style="list-style-type: none"> <li>Teknologi Kreatif</li> </ul>
	30	Politeknik Bagan Datuk	PBD	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kejuruteraan Perkapalan</li> </ul>
	31	Politeknik Tawau Sabah	PTS	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengurusan Pelancongan</li> </ul>


Jadual 1 Bidang Tujuan Utama Politeknik Mengikut Institusi



# PROGRAM PENGAJIAN

## PROGRAM PENGAJIAN POLITEKNIK

1. Sarjana Muda Reka Bentuk Dalam Komunikasi Visual dan Media Baharu dengan Kepujian (*Politeknik Ibrahim Sultan - PIS*)
2. Sarjana Muda Sains (Kepujian) Pengurusan Pelancongan dan Hospitaliti (*Politeknik Ibrahim Sultan - PIS*)
3. Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Awam Dengan Kepujian (*Politeknik Ungku Omar - PUO*)
4. Sarjana Muda Teknologi Elektronik (Elektronik Perubatan) Dengan Kepujian (*Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah - PSA*)
5. Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Pembuatan (Pengurusan Rangkaian Bekalan) Dengan Kepujian (*Politeknik Ungku Omar - PUO*)
6. Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Pembuatan (Rekabentuk Automotif) Dengan Kepujian (*Politeknik Sultan Azlan Shah - PSAS*)
7. Sarjana Muda Teknologi Pengurusan Fasiliti dengan Kepujian (*Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah - PSA*)



Senarai penuh program diploma politeknik di pautan :  
<https://ambilan.mypolycc.edu.my/>

1. Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS)
2. Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail (PTSN)
3. Politeknik Merlimau (PMM)
4. Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS)
5. Politeknik Ungku Omar (PUO)

1. Sijil Kemahiran Hotel dan Katering
2. Sijil Kemahiran Pembinaan
3. Sijil Kemahiran Penyenggaraan Mekanikal
4. Sijil Kemahiran Rekabentuk Fesyen dan Pakaian
5. Sijil Kemahiran Rekabentuk Grafik

Bidang Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Teknologi Kejuruteraan Awam

Rajah 9

Taburan Program Pengajian Politeknik

# PROGRAM PENGAJIAN

## ASASI TVET

Penawaran Program Asasi TVET yang baharu dirintis tahun 2023 ini bertujuan untuk memperluas akses pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan untuk mengikuti program persediaan sebelum melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda khususnya dalam Ijazah Teknologi Kejuruteraan. Melalui program ini persediaan awal dan berfokus dapat diberikan kepada pelajar yang cenderung dalam bidang TVET. Sebagai permulaan, lima (5) buah politeknik telah menjadi perintis bagi pengambilan pertama pada Sesi I 2023/2024 dengan 500 orang pelajar sebagai kumpulan pertama. Pembangunan kurikulum Program Asasi TVET direka bentuk dengan memberi penekanan kepada elemen amali dan praktikal. Manakala, fokus bidang Asasi TVET yang ditawarkan adalah mengikut keperluan industri semasa.



# PROGRAM PENGAJIAN

## KURIKULUM HIJAU (GREEN CURRICULUM)

Program-program pengajian yang dibangunkan di politeknik bukan sahaja untuk memenuhi kehendak industri dari aspek teknikal, malah ia juga diadun agar seiring dengan pengisian *Sustainable Development Goals* (SDGs). Politeknik merupakan antara institusi TVET yang terawal membangunkan kurikulum hijau (*Green Curriculum*). Langkah proaktif telah diambil sejak tahun 2010 yang mana semua kurikulum bagi program pengajian di politeknik telah diberi nilai tambah melalui integrasi elemen kelestarian alam sekitar dan teknologi hijau seiring dengan matlamat Dasar Teknologi Hijau Negara. Hasil usaha ini, JPPKK telah mendapat pengiktirafan *Project of the Year* bagi kategori *Sustainable Project Management on Green Curriculum* dari *Green Project Management Global* (GPM) pada tahun 2020.



SmartGreen PolyCC  
Laman Web Rasmi

Info Korporat

Info SmartGreen

ePelaporan

Interaktif



Pada tahun 2015, Bahagian Kurikulum, JPPKK telah menerbitkan Blueprint POLYGreen Politeknik Malaysia (BPPM) 2015-2020 yang telah ditransformasi kepada Blueprint SmartGreen Polytechnic Community College 2021-2026 (BSGPC). Selain itu, laman web Smart Green dibina sebagai pemasukan sumber rujukan dan dokumentasi berkaitan Smart Green di JPPKK.

Elemen hijau telah diterapkan dalam keseluruhan kurikulum JPPKK dan pelaksanaan kurikulum hijau bagi program pengajian diploma politeknik telah bermula pada sesi Jun 2019. Proses penerapan bermula dengan Bengkel Penerapan *Greening Curriculum - Awareness* dan diikuti dengan Kursus Induksi *Green Technology Compliance*.

Politeknik terus membuktikan komitmen dan tanggungjawab terhadap kelestarian dan kemampanan institusi apabila menganjurkan Anugerah SmartGreen PolyCC bagi memberi pengiktirafan kepada institusi yang telah memberikan sumbangan dalam pembangunan mampan bagi mewujudkan kampus Lestari melalui pelbagai projek dan aktiviti yang berteraskan teknologi hijau dan kelestarian di Politeknik Malaysia. Anugerah ini terdiri daripada:


- Anugerah SmartGreen POLYCC
- Anugerah Green Project Management (GPM)
- Anugerah UI Green Metric Ranking

# PROGRAM PENGAJIAN

## WORK BASED LEARNING (WBL)

Inovasi terkini kepada reka bentuk kurikulum bagi program pengajian di politeknik ialah strategi pembelajaran berdasarkan pekerjaan atau lebih dikenali sebagai *Work Based Learning* (WBL). WBL ialah satu strategi pendidikan (*educational strategy*) yang mengintegrasikan pembangunan kognitif dengan pengalaman sebenar di industri secara harmoni bagi melahirkan graduan yang pragmatik. Aktiviti PdP akan berjalan di industri untuk tempoh masa satu (1) tahun yang merangkumi beberapa kursus dan dilatih terus oleh mentor industri di persekitaran industri sebenar. JPPKK merupakan perintis dalam melaksanakan program-program WBL di Malaysia. Di politeknik, program-program ini telah pun mendapat pengiktirafan MQA. Sehingga kini, terdapat 13 program WBL dilaksanakan telah mendapat sokongan lebih 160 pemain industri utama di Malaysia antaranya Petronas, Gamuda, TRC Synergy, UEM Edgenta dan BRAHIM'S Food. Keunikan program WBL ini ialah ia memberi kelebihan kepada pelajar dengan pengalaman industri yang luas dan komprehensif.

**Kebolehpasaran graduan pelbagai bidang terlibat seperti :**



KLUSTER BIDANG POLITEKNIK

KLUSTER BIDANG POLITEKNIK	PROGRAM PENGAJIAN WBL	JUMLAH INDUSTRI
TEKNOLOGI/KEJURUTERAAN AWAM	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Awam dengan Kepujian (BCT) Sarjana Muda Teknologi Pengurusan Fasiliti dengan Kepujian (BFM)	44 34
TEKNOLOGI/KEJURUTERAAN ELEKTRIK	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik(Elektronik Perubatan) dengan Kepujian (BEU)	30
TEKNOLOGI/KEJURUTERAAN MEKANIKAL	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Pembuatan (Pengurusan Rangkaian Bekalan) dengan Kepujian (BMS) Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Pembuatan (Reka Bentuk Automotif) dengan Kepujian (BMA)	42 32
PELANCONGAN DAN HOSPITALITI	Sarjana Muda Sains (Kepujian) Pengurusan Pelancongan dan Hospitaliti (BTH) Diploma Pengurusan Hotel (DHM)	33 259
REKABENTUK DAN KOMUNIKASI VISUAL	Sarjana Muda Reka Bentuk dalam Komunikasi Visual dan Media Baharu dengan Kepujian (BVC) Diploma Animasi Kreatif (DAK) Diploma Pengajian Video & Filem (DDV)	29 30 50
PERDAGANGAN	Diploma Pengurusan Logistik & Rantaian Bekalan (DLS) Diploma Keusahawanan (DEN) Diploma Pengurusan Peruncitan (DRM)	233 114 40



# PROGRAM PENGAJIAN

## TAHFIZ-TVET

Politeknik merupakan pelopor institut pendidikan teknikal yang melaksanakan Tahfiz-TVET bagi menterjemahkan Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) untuk melahirkan golongan teknokrat yang menghafaz al-Quran. Program yang mendapat pengiktirafan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dirintis bermula pada tahun 2016 di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) dan Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS) melalui Program Pra-Tahfiz. Seterusnya pada tahun 2018, Program Sijil Asas Tahfiz Al-Quran dilaksanakan Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS). Program ini merupakan usaha sama antara Politeknik Malaysia dengan pihak Darul Quran, JAKIM yang dilaksanakan secara serentak bersama program diploma politeknik sedia ada selama enam (6) semester. Matlamat program Techno Huffaz adalah untuk melahirkan generasi muslim yang holistik dari aspek kerohanian, teknikal, jasmani serta berciri global. Graduan Program Techno Huffaz akan memperolehi diploma politeknik dan Sijil Tahfiz al-Quran, JAKIM.

## PERKEMBANGAN TAHFIZ POLITEKNIK

**2014**



**FASA PERANCANGAN**  
Merintis jaringan kerjasama dengan IPTA dan IPTS berpengalaman serta pihak JAKIM

**2016**



**FASA RINTIS**  
Pilot Test Pra-Tahfiz di : Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) dan Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS)

**2017**



**FASA PELAKSANAAN**  
Ambilan pertama pelajar Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran di PSA Sesi Jun 2017

**2018**



**FASA PENGEMBANGAN**  
Program Sijil Asas Tahfiz Al-Quran dilaksanakan di Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS)

**2021**



**FASA KEBERHASILAN**  
Konvoesyen graduan Techno Huffaz pertama yang juga graduan Diploma Pengajian Perniagaan PSA , Saudara Muhammad Firdaus Naim yang berjaya menghafaz 30 juzuk dalam tempoh pengajian

**2022**



**FASA PEMERKASAAN**  
19 politeknik melaksanakan Program Latihan Kemahiran kepada pelajar institusi tahfiz, sekolah pondok dan Techno Huffaz

### POLITEKNIK YANG MELAKSANAKAN PROGRAM TECHNO HUFFAZ

POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH (PSA)

30 JUZUK

POLITEKNIK SULTAN AZLAN SHAH (PSAS)

10 JUZUK

## PENDIGITALAN DAN INOVASI TAHFIZ

Politeknik juga telah berjaya merintis penerbitan modul pembelajaran tahfiz IPT apabila memperkenalkan e-Modul Interaktif Techno Huffaz bagi keperluan Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran, JAKIM yang ditawarkan di beberapa buah institusi pengajian tinggi di seluruh negara.

Techno Huffaz terus komited melakar sejarah melalui Aplikasi IHFAZ yang memenangi pingat emas dalam Pertandingan Inovasi Pensyarah TVET (PERISA) 2023 dan turut dinobatkan sebagai penerima Anugerah Khas iSWAJ SPECIAL AWARD Category : Innovation of Islamic and Science daripada Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)



11 orang graduan politeknik telah dianugerahkan Sijil Tahfiz al-Quran 30 Juzuk oleh JAKIM. Pencapaian ini lebih membanggakan apabila enam (6) daripada mereka telah berjaya menamatkan hafazan secara graduate on time (GoT)



Pada tahun 2022, Bahagian Kolaborasi Industri dan Komuniti (BKIK), JPPKK telah menerbitkan Buku Mengungguli TVET Memperkasa Ummah.

# PROGRAM PENGAJIAN


## PROGRAM KHAS PELAJAR OKU

Sebagai institusi TVET yang menyantuni golongan kelainan upaya, politeknik turut menawarkan program khas kepada pelajar dalam kategori Orang Kurang Upaya (OKU). Politeknik merupakan Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) kedua selepas Universiti Teknologi Mara (UiTM) yang menyediakan tempat untuk golongan OKU ini melanjutkan pengajian mereka ke pendidikan tahap ketiga (*tertiary education*). Terdapat enam (6) bidang yang ditawarkan bagi golongan OKU di politeknik-politeknik terpilih iaitu Kejuruteraan Awam, Senibina, Kejuruteraan Mekanikal, Hospitaliti, Reka Bentuk Kreatif dan Hortikultur. Inisiatif bertujuan memastikan golongan ini turut diberi peluang pendidikan dan tidak tercincir kerana golongan ini mempunyai kesaksamaan hak dan peluang untuk menjalani kehidupan seperti anggota masyarakat yang lain.

Politeknik menyediakan lima (5) Sijil Kemahiran Khas Politeknik bagi pelajar ketidakupayaan pendengaran di samping turut menerima pelajar dari pelbagai aspek ketidakupayaan yang menepati syarat pembelajaran program perdana politeknik seperti pelajar ketidakupayaan pembelajaran (lembam), *mild-autism*, dan ketidakupayaan fizikal. Berikut merupakan lima (5) sijil kemahiran khas di politeknik Malaysia :

1	Sijil Kemahiran Hotel dan Katering	Politeknik Kota Kinabalu Politeknik Ibrahim Sultan Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin
2	Sijil Kemahiran Pembinaan	Politeknik Ungku Omar
3	Sijil Kemahiran Penyelenggaraan Mekanikal	Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
4	Sijil Kemahiran Rekabentuk Fesyen dan Pakaian	Politeknik Ibrahim Sultan
5	Sijil Kemahiran Reka Bentuk Grafik	Politeknik Ibrahim Sultan

Jadual 3      Program Sijil Khas Pelajar OKU





WARGA  
KOMPETEN



# WARGA

## WARGA KERJA POLITEKNIK

Dalam usaha mengukuhkan fungsi politeknik, 36 buah politeknik yang ada pada masa ini dibekalkan dengan 10,124 perjawatan yang melibatkan 19 skim perkhidmatan. Manakala, daripada keseluruhan perjawatan Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT) di politeknik, 6,641 perjawatan, atau 87% daripada keseluruhan perjawatan PPPT merupakan perjawatan pensyarah dari gred DH29 hingga gred DH54. Para pensyarah bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas PdP secara langsung kepada pelajar.

Selain daripada tugas PdP, pensyarah politeknik juga terlibat dengan aktiviti lain seperti penyelidikan dan inovasi, penyediaan bahan (content) PdP serta penulisan ilmiah. Bagi memastikan pensyarah di politeknik kekal kompeten dan relevan dengan perubahan teknologi, pelbagai intervensi dan program pembangunan telah dirancang dan dilaksanakan termasuklah intervensi kepada perbekalan skim perkhidmatan PPPT sendiri.



## PERJAWATAN POLITEKNIK

10,124

19 skim  
perkhidmatan di  
politeknik

1,029

PPPT  
(Pengurusan PdP)

6,641

PPPT  
(Pensyarah)

2,454


Lain-lain  
Skim Perkhidmatan  
(P&P dan sokongan)

Sumber : Waran Perjawatan 2023




# WARGA

## PEMBANGUNAN KAPASITI WARGA KERJA POLITEKNIK



(Data eSIS sehingga Oktober 2023)



(Data eSIS sehingga Oktober 2023)

Program-program pembangunan bakat dalam kalangan PPPT yang disusun pihak JPPKK sentiasa mendapat sambutan daripada warga skim PPPT. Sehingga kini, seramai 3,360 PPPT di seluruh politeknik memiliki kelayakan ijazah sarjana dan ijazah kedoktoran, manakala seramai 3,477 PPPT pula memiliki sijil profesional dalam bidang penghususan masing-masing.

## PENGANJURAN HARI AKADEMIA PERINGKAT JPPKK

Hari Akademia POLYCC adalah bermatlamat memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada para akademia yang terdiri daripada Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT) yang telah berjaya menunjukkan prestasi yang cemerlang dalam pelbagai aspek.



Peningkatan kemahiran bakat PPPT untuk memenuhi keperluan industri melalui pengukuhan profesionalisme pensyarah TVET dalam usaha meningkatkan kualiti penyampaian TVET untuk membangunkan modal insan berkemahiran tinggi yang diperlukan oleh Malaysia untuk mencapai taraf negara maju.



PENYELIDIKAN  
& INOVASI



# PENYELIDIKAN & INOVASI

## PEMBUDAYAAN PENYELIDIKAN GUNAAN

JPPKK sentiasa komited dalam mempergiat aktiviti penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (RDCI) dalam kalangan warga politekik dan kolej komuniti. Fokus utama RDCI dalam sistem pendidikan politekik adalah kajian gunaan (*applied research*) dan inovasi yang mampu menyelesaikan permasalahan sebenar di industri. Hasilnya sebanyak 4,293 kertas penyelidikan telah diterbitkan dalam tempoh 2018 hingga 2022. 69% daripada kertas penyelidikan ini diterbitkan di peringkat kebangsaan dan bakinya 31% adalah di peringkat antarabangsa. JPPKK juga mempunyai dua (2) e-jurnal sendiri iaitu *Jurnal of Engineering and Technology* (PMJET) dan *Journal of Social Sciences and Humanities* (PMJSSH). Kedua-dua PMJET dan PMJSSH telah berjaya diterbitkan dengan pengiktirafan *Directory of Open Access Resources* (ROAD).


### PENGANJURAN SEMINAR 2018-2022

42

KEBANGSAAN

26

ANTARABANGSA



e-Jurnal Jabatan Pendidikan Politeknik  
dan Kolej Komuniti

31%

Antarabangsa

4,293

KERTAS PENYELIDIKAN



69%

Kebangsaan





## PENYELIDIKAN & INOVASI

### PEMBUDAYAAN INOVASI

Penyelidikan gunaan dan penyelidikan bersama industri yang berkonsepkan solution provider bagi meningkat produktiviti industri.



### HARTA INTELEK 2018-2022



JPPKK menyertai dua(2) produk program realiti INNOVATHON yang ditayangkan setiap hari Sabtu bermula 15 Julai 2023, jam 9.00 malam di Astro Ria. Program realiti yang dilancarkan oleh Astro dengan kerjasama Kementerian Ekonomi serta Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi (MOSTI) mengetengahkan bakat dan idea inovatif peserta bagi mencari penyelesaian isu sosioekonomi.

Produk *The Other Self* merupakan projek inovasi Kolej Komuniti Temerloh berjaya ke pentas akhir INNOVATHON manakala produk Bfresh daripada Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah terpilih sebagai produk antara TOP 56.



# PENYELIDIKAN & INOVASI

## PUSAT INOVASI DAN PENGKORMERSIALAN (ICC)

Politeknik sebagai pusat nukleus teknologi telah menubuhkan *Innovation and Commercialisation Centre* (ICC) bertempat di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA). Pusat ini berperanan sebagai pusat rujukan pengkomersialan, pameran produk, tempat latihan dan konsultasi serta platform bagi aktiviti *pitching* produk dan perkhidmatan. Selain itu, ICC juga merupakan platform mempromosi produk dan perkhidmatan berpotensi untuk dikomersialkan kepada pihak industri. Penubuhan ICC ini adalah selaras dengan komitmen dan hala tuju JPPKK untuk menambah baik dan membudayakan aktiviti pengkomersialan di politeknik dan kolej komuniti.

Budaya inovasi ini terus dikembangkan dan hasilnya sebanyak enam (6) produk berjaya dikomersialkan iaitu *Circuit Assemble Aids*, Serbuk Penambah Perisa Che'Rasa, Sambal Teruna Berapi, Tepung UniQverse dan Papan Permainan Pendidikan HiREG 2.0. Projek Pengkomersialan Produk dan Perkhidmatan Politeknik dan Kolej Komuniti ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan mengenai aktiviti pengkomersialan serta mempraktikkan pengkomersialan sebenar bagi produk dan perkhidmatan yang dihasilkan di institusi. Kini, Jabatan dalam perbincangan bersama industri berpotensi untuk fasa pengeluaran produk dan pemasaran yang lebih berskala besar.





POLITEKNIK  
MALAYSIA  
SINTOK

**PELAJAR**  
& GRADUAN





## PELAJAR

### KEMASUKAN, ENROLMEN, KELUARAN & KEBOLEHPASARAN

Politeknik merupakan institusi yang mengungguli enrolmen tertinggi berbanding institusi TVET lain di Malaysia. Bagi tempoh tujuh (7) tahun, enrolmen politeknik berkisar antara 77,816 hingga 99,606. Dalam tempoh yang sama politeknik telah menghasilkan seramai 203,098 graduan. Sejak penubuhannya sehingga tahun 2022, politeknik telah berjaya menghasilkan seramai 672,760 graduan.

### KELUARAN TVET POLITEKNIK 2016-2022

**203,098**

KELUARAN POLITEKNIK MALAYSIA



	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022
Kemasukan	35,455	34,193	34,249	35,174	23,743	29,318	25,170
Enrolmen	99,551	99,606	96,370	96,362	85,936	84,556	77,816
Keluaran	25,659	27,452	31,254	29,725	28,924	28,117	31,967
% GE	88.7	94.5	96.1	96.7	91.4	93.7	96.2

Rajah 11

Data Kemasukan, Enrolmen, Keluaran dan Kebolehpasaran Pelajar Politeknik

Daripada keseluruhan graduan ijazah sarjana muda yang telah bekerja, 4 graduan iaitu bersamaan 2.9% mendapat pendapatan bulanan permulaan RM4,000 atau lebih. Bagi graduan diploma, 1,591 graduan bersamaan 9.1% mendapat pendapatan bulanan permulaan RM2,500 atau lebih.

Manakala 2 graduan sijil asas (khusus untuk OKU) atau bersamaan 2.8% pula mampu mendapat pendapatan permulaan RM2,000 atau lebih.

Peratus pencapaian kebolehpasaran graduan (GE) politeknik sentiasa melepas sasaran GE nasional iaitu 85% semenjak tahun 2016.

KEBOLEHPASARAN  
GRADUAN 2022  
**96.2%**



### STATISTIK GRADUAN POLITEKNIK TAHUN 2022 YANG MEMPEROLEHI PENDAPATAN PREMIUM

#### GRADUAN IJAZAH SARJANA MUDA POLITEKNIK

**7.9%**  
716 graduan

**RM4,000**  
Sebulan atau lebih

#### GRADUAN DIPLOMA

**9.1%**  
2,247 graduan

**RM2,500**  
Sebulan atau lebih

#### GRADUAN SIJIL ASAS (OKU)

**7.1%**  
1,752 graduan

**RM2,000**  
Sebulan atau lebih



# PELAJAR

## KEUSAHAWANAN

Di samping pembangunan akademik, politeknik turut menyediakan pelajarnya dengan kemahiran keusahawanan berciri holistik dan berdaya saing bagi menghasilkan bakat TVET tersedia masa hadapan. Pada tahun 2021 dan 2022, seramai 32,334 usahawan pelajar telah digilap bakat sehingga berjaya menubuhkan syarikat sendiri. Usahawan pelajar yang dilatih ini giat menyertai pelbagai pertandingan serta program-program pembangunan keusahawanan yang dianjurkan pelbagai pihak seperti karnival keusahawanan, aktiviti jualan secara dalam talian dan lain-lain program sehingga terdapat usahawan pelajar yang berjaya menjana pendapatan bulanan mencecah hampir RM20,000.00.

### USAHAWAN POLITEKNIK

2021-2022

32,334

Membuka Syarikat Sendiri



Info Gambar 4

Produk keusahawanan tani PSS 1 Stop Centre Politeknik Sandakan Sabah (PSS)



## PERSADA ANTARABANGSA

Setanding universiti, Politeknik juga mampu menggilap bakat pelajar sehingga ke persada antarabangsa. Ini terbukti apabila sejak mutakhir ini, terdapat pelajar politeknik yang telah mengharumkan nama negara dalam pelbagai pertandingan kemahiran dan arena sukan.

Info Gambar 6

- A. **Sukan SEA 2023 :** Saudara Umar bin Osman, pelajar Politeknik Ibrahim Sultan (PIS) telah mewakili Malaysia memenangi pingat emas acara 400M serta mencipta rekod baharu 400M kebangsaan.
- B. **10th International Abilympics 2023, Perancis :** Wan Muhammad Hafizunif Wan Roslan pelajar Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS) kategori 'Cake Decoration' beroleh pingat gangsa dan pelajar Politeknik Ibrahim Sultan (PIS), Nur Amiratul Farahin Ab Rahman pingat perak bagi kategori 'Painting and Waste Art'.
- C. **WorldSkills ASEAN Singapore 2023:** Ameer Shah bin Abdul Halim Shah, Politeknik Muadzam Shah (POLISAS) beroleh pingat Medallion For Excellence.



# PELAJAR

## PELAJAR HOLISTIK POLITEKNIK

Pelajar politeknik melakar kejayaan dalam arena masing-masing secara holistik. Peranan dan sumbangan dalam masyarakat dan negara memperlihat keterangkuman impak produk politeknik yang mempunyai ketinggian jati diri manusia iwi juga signifikan ke arah pembangunan negara.

### SUKAN

**170**

Anugerah peringkat kebangsaan & antarabangsa (2022-2023)

### ANTARABANGSA

**122**

Anugerah Emas/Perak/Gangsa (2022-2023)

### USAHAWAN

**2,195**

Graduan ceburi keusahawanan (2022)

### INOVASI PELAJAR

**595**

Produk inovasi yang diaplikasikan (2018-2022)

### PELAJAR OKU

**6**

Anugerah peringkat kebangsaan/antarabangsa (2022 – 2023)

### WORLDSKILLS

**3**

Penyertaan (2022-2023)

### MOBILITI ANTARABANGSA

**2,818**

Penyertaan (2021-2022)



Rajah 12      Pencapaian dan anugerah pelajar politeknik



**SINERGI**  
POLITEKNIK  
& INDUSTRI



# SINERGI POLITEKNIK-INDUSTRI

Senario ketidaktentuan ekonomi semasa telah membuka banyak peluang jalinan kerjasama strategik antara politeknik bersama pihak industri termasuk agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan. Fasiliti dan kepakaran yang ada di politeknik dan industri dioptimumkan menerusi pelbagai program seperti latihan industri pelajar, sangkutan industri pensyarah (SIP) serta program reskilling, upskilling dan cross-skilling pekerja industri.

Hampir 18 ribu buah organisasi dari pelbagai industri sedang berkolaborasi secara aktif dan telah menyumbang lebih kurang RM2.2 juta kepada politeknik. Sumbangan ini dibuat dalam pelbagai bentuk seperti sumbangan wang tunai, zakat, tajaan pengajian, pemberian peralatan dan tajaan latihan.



Rajah 13

Pencapaian Kolaborasi Poli-Industri



# SINERGI POLITEKNIK-INDUSTRI

## INDUSTRY ADVISORY COUNCIL (IAC)

Majlis Penasihat Industri atau lebih dikenali sebagai *Industry Advisory Council* (IAC) ditubuhkan pada tahun 2008 di bawah inisiatif Jabatan Pendidikan Politeknik pada ketika itu. Majlis ini dianggotai oleh tokoh-tokoh industri yang berwibawa, terkemuka dan berpengalaman luas dalam pelbagai latar belakang antaranya sektor kejuruteraan, perkhidmatan, logistik dan perbankan. Matlamat penuhuan IAC ini adalah untuk berkongsi maklumat dan mendapatkan pandangan industri terhadap teras strategik JPPKK serta memperkasa jaringan kerjasama dan perkongsian pintar antara JPPKK bersama industri.

Pada masa ini, IAC dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Sri Sufri bin Haji Mohd Zin, Presiden Master Builders Association Malaysia (MBAM) dan dianggotai oleh 19 ahli yang lain. Kewujudan IAC mengukuhkan lagi peranan politeknik sebagai peneraju institusi TVET di Malaysia sekali gus diiktiraf pemegang taruh.

## PROGRAM CEO@POLYCC

Program CEO@POLYCC adalah program eksklusif di peringkat politeknik dengan pelantikan wakil industri oleh Menteri Pengajian Tinggi sebagai CEO@POLYCC yang dipilih daripada tiga (3) jawatan tertinggi dalam syarikat, organisasi atau agensi untuk tempoh dua (2) tahun di sesebuah Politeknik. CEO@POLYCC yang telah dilantik akan menyumbang minimum 20 jam di politeknik di dalam bentuk syarahan, perkongsian ilmu dan amalan teknologi terkini serta kajian kes kepada pelajar, pensyarah dan kakitangan akademik bagi:

1. Meningkatkan kualiti perkongsian pengetahuan dan kemahiran di antara industri dan politeknik bagi melahirkan graduan untuk pasaran kerja dengan mengadakan seminar serta mengendalikan forum kepada pelajar dan kakitangan.
2. Peningkatan keberkesanan dan memudahkan hubungan antara industri dengan politeknik bagi hal-hal berkaitan perkembangan kurikulum, pengajaran dan pembelajaran serta penilaian dan penyelidikan.





# SINERGI POLITEKNIK-INDUSTRI

## TALENT ENHANCEMENT PROGRAMME (TEP)

Program ini adalah bagi memberi nilai tambah berbentuk kemahiran yang disasarkan kepada pelajar dan graduan TVET dengan tawaran pekerjaan di industri. Program ini juga turut menekankan elemen keusahawanan dalam bidang kemahiran yang diikuti.

- i. Program Perantisan
- ii. Talent Finishing School
- iii. Upskilling, Reskilling / Cross-skilling
- iv. Structured Internship Programme (SIP)



## PENDIDIKAN SEPANJANG HAYAT (PSH)

Pelaksanaan program PSH di politeknik adalah untuk:

- i. Menganjur dan menyediakan program PSH dalam pembangunan komuniti berpengetahuan
- ii. Menyediakan Program Peningkatan Kemahiran Dan Latihan Kemahiran Semula (*reskilling* dan *upskilling*) untuk menyediakan tenaga kerja mahir dan separuh mahir.





# SINERGI POLITEKNIK-INDUSTRI

## FOKUS SINERGI POLI-INDUSTRI

### 13 PROGRAM PSH

### 8 GOLONGAN SASAR

### 281,484 PESERTA

- I. Sijil Profesional
- II. Diploma Eksekutif
- III. Kursus Terlanggan

8 KAMPUS  
INDUSTRI

INDUSTRY  
ON CAMPUS  
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

WORK BASED LEARNING (WBL)

TALENT ENHANCEMENT  
PROGRAMME (TEP)

## FOKUS SINERGI POLI-INDUSTRI

PENYELIDIKAN, PEMBANGUNAN, INOVASI DAN  
PENGKOMERSIALAN (RDIC)

PROGRAM PENINGKATAN KEMAHIRAN DAN LATIHAN  
KEMAHIRAN SEMULA (*Reskilling & Upskilling*)

TVET  
COLLABORATION  
HUB (TCH)  
4 Hub Bidang Tujuan  
(Fasa 1)



12 COT DIiktiraf

PEMBIAYAAN  
&  
SUMBANGAN

PERKONGSIAN  
TEKNOLOGI

PERKONGSIAN  
KEPAKARAN

PENINGKATAN  
KOMPETENSI  
PENSYARAH

SANGKUTAN  
INDUSTRI  
PENSYARAH

PEMBANGUNAN  
PELAJAR

1  
8

2  
7

3  
6

4  
5

6  
1

7  
2

8  
3

9  
4

# HALA TUJU TRANSFORMASI

Politeknik boleh berbangga dengan pencapaiannya, dunia terus bergerak maju dengan cabaran era ekonomi global yang menuntut perubahan besar supaya modal insan berdaya maju dapat dijanakan dalam segala inisiatifnya. Inisiatif ini perlu diurus dengan strategik agar menjadi momentum ledakan perubahan yang mampu menerobos perangkap minda dan fizikal yang menjadi halangan kepada kemajuan politeknik selama ini.

Upaya kita tidak harus terbatas pada memenuhi keperluan terhad. Seharusnya kita perlu berubah dari sikap pasif yang terperangkap dalam pemikiran. Kita harus bertindak untuk merubah keadaan. Matlamat murni ini tidak mungkin tercapai melalui kaedah biasa. Dalam konteks ini, reformasi ekosistem TVET di peringkat politeknik menjadi titik penting serta kritikal dalam memastikan perencanaan berterusan untuk melonjakkan pencapaian TVET negara.

# PEMACU PERUBAHAN



Kajian bersama oleh Bank Dunia, ILO, dan UNESCO mengatakan :

TVET perlu menyesuaikan diri dengan **globalisasi**, kemajuan **teknologi**, transformasi **demografi** dan perubahan **iklim**.

Sumber : <https://www.ilo.org/>



**Matlamat 4:**  
Kualiti Pendidikan Akses sama rata untuk **kemasukan institusi TVET** yang mampu dimiliki dan berkualiti

Sumber : <https://sdgs.un.org/goals>



*By 2030, substantially increase the number of youth and adults who have relevant skills, including technical and vocational skills, for employment, decent jobs and entrepreneurship*

Sumber : <https://www.unesco.org/gem-report/en/tvet/>



Gagasan Malaysia MADANI disusuli Ekonomi MADANI sehingga 2030 bermatlamat melakukan reformasi untuk mengalih ke landasan yang lebih baik

## MATLAMAT YANG INGIN DICAPAI



Kedudukan antara 30 ekonomi terbesar dunia



Tangga ke-12 teratas dunia dalam Daya Saing Global




Tangga ke-25 teratas dunia dalam Indeks Pembangunan Manusia



Meningkatkan bahagian pendapatan pekerja kepada 45%



Tangga ke-25 teratas dalam Indeks Persepsi Rasuah



Ke arah kemampaman fiskal, sasaran deficit fiskal 3%, atau lebih baik



Kadar penyerataan tenaga buruh wanita mencapai 60%

Sumber : <https://malaysiamadani.gov.my/>

# PEMACU PERUBAHAN



RMKe-12 & KSP RMKe-12

## Bidang Keutamaan B: Membangunkan Bakat Tersedia Masa Hadapan

Kepentingan TVET sebagai pemboleh daya pertumbuhan ekonomi negara yang mapan telah dinyatakan dengan jelas dalam Rancangan Malaysia ke-12 (RMKe-12). RMKe-12 telah meletakkan sasaran pengambilan 55% daripada lepasan SPM ke sektor TVET dan kadar kebolehpasaran graduan (GE) di universiti dan institusi TVET awam dinilai 86.7% pada tahun 2025.

2025

55%

Pengambilan Lepasan SPM atau Setaraf ke Program TVET

2025

86.7%

Kebolehpasaran Graduan IPT dan Institusi TVET Awam



Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030)

Strategi NIMP 2030:

- Pelaburan berkualiti tinggi;
- Asas pendidikan yang baik untuk meningkatkan kesediaan tenaga kerja masa hadapan (STEM & TVET);
- Peningkatan Kemahiran dan Kemahiran Semula (STEM & TVET);
- Dasar gaji progresif dan tenaga kerja inklusif
- Memperkuuh peluang keusahawanan.

2030


RM3.3j

Peluang pekerjaan baharu

2030


RM4,510

Gaji dan upah penengah bulanan setinggi RM4,510



National Policy on Industry 4.0  
(Industry4WRD)

Technologies advancement and convergence



## Enabling Technologies

The digitalisation of the production-based industries are driven by these technological drivers

TVET perlu memberi tumpuan kepada teknologi-teknologi baharu kesan daripada revolusi industri keempat (IR 4.0)

# TRANSFORMASI POLITEKNIK 2.0



"Penekanan akan diberi untuk mereformasi sistem pendidikan bagi meningkatkan kualiti pendidikan dan memanfaatkan teknologi baru muncul. Langkah yang akan diambil termasuk memperkuuh inisiatif pendidikan dan pembangunan sahsiah, melonjakkan kecemerlangan pendidikan tinggi dan mempertingkatkan ekosistem TVET"

Kajian Separuh Penggal  
RMKe-12



**HALA  
TUJU  
PENCAPAIAN**

Cabar dan perkembangan baharu yang secara langsung atau tidak menjadi **pemacu perubahan** dalam agenda Transformasi Politeknik 2.0 yang menetapkan asas bagi merealisasikan semangat semua pihak berkepentingan



**HALA  
TUJU  
PENCAPAIAN**

Hala tuju Transformasi Politeknik 2023 – 2030 ini **seiring landasan pembangunan negara** bagi mencapai Malaysia yang makmur, inklusif dan mampan



**HALA  
TUJU  
PENCAPAIAN**

Inisiatif yang **radikal namun praktikal** akan dilaksanakan bagi menjayakan hala tuju transformasi politeknik ini

# TRANSFORMASI POLITEKNIK 2.0

## RASMIAN PENUTUP TVET DIGITAL POLYCC 2023

mpurnakan oleh  
**MOHAMED KHALED NORDIN**  
RI PENDIDIKAN TINGGI

SEPTEMBER 2023

WAN AL-JAZARI

SALAHUDDIN ABDUL AZIZ

MALAYSIA



## Mengapa Hala Tuju Transformasi Politeknik 2023-2030 diperlukan?

Hala Tuju Transformasi Politeknik 2023-2030 merupakan jaminan yang teguh daripada pihak Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) untuk menjelmakan tuntutan reformasi yang didambakan dengan usaha dan upaya memaknai landasan pembangunan negara.

Hala tuju yang digariskan ini akan memberi tumpuan kepada hasrat negara untuk mencapai pertumbuhan yang inklusif dan mampan serta pembangunan bakat TVET yang akan memenuhi keperluan masa hadapan.

Strategi untuk menyediakan bakat yang akan memenuhi keperluan masa hadapan termasuklah meningkatkan kualiti program pengajian, memanfaatkan teknologi baharu muncul, memperkuuh tadbir urus serta memenuhi keperluan semua pihak berkepentingan.

## Bagaimana ini dapat dicapai?

Hala Tuju Transformasi Politeknik 2023-2030 dirangka untuk memastikan intervensi radikal dan praktikal.

Bagi memastikan ia komprehensif, Hala Tuju Transformasi Politeknik 2023-2030 diselaraskan dengan tumpuan kerajaan iaitu:

- i. Menangani pertindihan tadbir urus TVET
- ii. Merombak sistem tadbir urus TVET
- iii. Mempromosi jenama TVET
- iv. Meningkatkan kualiti program
- v. Mewujudkan pangkalan data TVET

## Apakah hasil pelaksanaan

Melangkaui 2030, Politeknik Malaysia akan menjadi institusi TVET yang dihormati, berdaya saing dan menjadi pilihan utama untuk pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional setanding politeknik di negara-negara maju.

# KERANGKA TRANSFORMASI

# Hala Tuju TRANSFORMASI POLITEKNIK 2023-2030

Fasa 1: 2023 - 2027

Fasa 2: 2028 - 2030

Quick Wins dan  
Pembangunan Kapasiti

Pengukuhan dan  
Kelestarian



**Melangku 2030, Politeknik Malaysia :**  
Menjadi institusi TVET yang **berdaya saing**  
dan **menjadi pilihan utama** untuk pendidikan  
dan latihan teknikal dan vokasional  
setanding politeknik di negara-negara maju


## Keberhasilan Transformasi Politeknik

- 120,000 ke arah 140,000 enrolmen politeknik
- 50% daripada keseluruhan **diploma TVET awam nasional**
- **GE** sentiasa di atas **95%**
- Purata pendapatan permulaan graduan **RM2,000 sebulan**

## Matlamat Transformasi

TEMA :

**Politeknik Unggul Pemacu  
Masyarakat Madani**



## CIRI-CIRI POLITEKNIK MALAYSIA 2030 :


- 01 **TVET for all**
- 02 Program yang **fleksibel**  
berteraskan teknologi terkini
- 03 Menyumbang kepada **guna tenaga berkemahiran tinggi**

# KERANGKA TRANSFORMASI

## KERANGKA TRANSFORMASI POLITEKNIK

### MATLAMAT 2030

- 120,000 ke arah 140,000 enrolmen politeknik
- 50% daripada keseluruhan diploma TVET awam nasional
- GE sentiasa di atas 95%
- Purata pendapatan permulaan graduan RM2,000 sebulan



Rajah 15 Kerangka Transformasi Politeknik

Kerangka Transformasi Politeknik 2023-2030 dibangunkan bagi memacu hala tuju transformasi yang mencakupi kesemua domain utama politeknik merangkumi governan, program, pelajar, graduan, warga kerja, industri dan komuniti. Kerangka transformasi politeknik dibangunkan dan diperkemas setelah mendapat pandangan semua pihak berkepentingan dalam beberapa siri wacana berterusan. Walhasil, sebuah wadah kerangka transformasi politeknik yang tuntas dan praktikal dibangunkan.

Kerangka Transformasi Politeknik 2023-2030 yang merangkumi 18 strategik objektif (SO), 13 Agenda Pembaharuan Kritikal (CRA), tiga (3) Inisiatif Pembaharuan Berstrategik (SRI) dan empat (4) matlamat Hala Tuju Transformasi Politeknik 2023-2030. Dengan kepercayaan semua pihak dan tatakelola yang baik serta sistem penyampaian perkhidmatan yang tangkas pasti Politeknik Malaysia menjadi institusi TVET yang berdaya saing dan menjadi pilihan utama untuk pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional setanding politeknik di negara-negara maju.

# Hala Tuju TRANSFORMASI POLITEKNIK 2023-2030



### OBJEKTIF STRATEGIK (SO)

- 1 Mereka bentuk semula program pengajian bagi menjadikan TVET di politeknik lebih menarik
- 2 Meningkatkan sinergi antara politeknik dan MTUN bagi memendekkan tempoh pengajian sehingga ke peringkat ijazah sarjana muda
- 3 Memperkasa Time Sector Privatisation bagi menyediakan pembelajaran sepanjang hayat kepada pekerja industri
- 4 Meningkatkan pemindahan pengetahuan dan teknologi antara pensyarah politeknik, ahli akademik di universiti dan pengamal industri bagi memperkasakan Penyelidikan Translasional dalam ekosistem TVET KPT
- 5 Menyediakan laluan khas kemasukan ke Politeknik Malaysia untuk golongan rentan bagi membantu meningkatkan sosio-ekonomi rakyat
- 6 Memperkasa komunikasi korporat bagi mempromosi jenama Politeknik Malaysia
- 7 Memantapkan pengurusan kewangan dan perolehan bagi membantu merancakkan aktiviti ekonomi yang dirancang
- 8 Mempelbagaikan sumber kewangan bagi mengurangkan bebanan kewangan Kerajaan
- 9 Mengoptimumkan penggunaan teknologi digital dan aplikasi dalam talian bagi meningkatkan kecekapan pengurusan dan penyampaian
- 10 Mewujudkan Special Purpose Entity bagi meningkatkan kecekapan proses berteraskan penjanaan pendapatan
- 11 Mewujudkan kuasa autonomi bertanggungjawab kepada politeknik bagi meningkatkan fleksibiliti dan ketangkasan beroperasi
- 12 Mewujudkan Model Perundungan Politeknik yang mampu menyelesaikan isu-isu perundungan pada masa ini
- 13 Mewujudkan Politeknik APEX sebagai Model Politeknik Malaysia masa hadapan
- 14 Menggalakkan penglibatan awal industri dalam pembangunan bakat TVET berfokus di politeknik bagi menyediakan pekerja mahir yang mampu meningkatkan produktiviti industri
- 15 Membangunkan Rancangan Pembangunan Politeknik Lima Tahun bagi memastikan ekosistem di politeknik sentiasa dalam keadaan yang kondusif
- 16 Memperkasa pensyarah dengan kemahiran industri bagi melahirkan pakar rujukan bidang (*subject matter expert*)
- 17 Memperkasa kepimpinan transformatif bagi memastikan kelestarian Halatuju Transformasi Politeknik
- 18 Membudayakan Prinsip 3K (Kebajikan, Keharmonian, Keberkatan) sebagai nilai sepunya sistem Pendidikan politeknik dan kolej komuniti

# OBJEKTIF STRATEGIK

## AGENDA PEMBAHARUAN KRITIKAL (CRA)

Setiap CRA telah dibuat pemetaan kepada 5 domain utama sesebuah politeknik (iaitu governan, program pengajian, pelajar dan graduan, warga kerja & industri dan komuniti) dan ia mencakupi kesemua lima (5) domain tersebut. 13 CRA ini bersifat operasional bagi membantu warga kerja di Jabatan dan institusi menjawai dan merancang projek-projek yang bersesuaian untuk dilaksanakan. 13 CRA yang dimaksudkan adalah seperti berikut:



### CRA

### MATLAMAT

<b>CRA 1</b>	Mengoptimumkan pengoperasian Politeknik Malaysia berdasarkan fungsi khususnya
<b>CRA 2</b>	Melancarkan pengoperasian Politeknik Malaysia berdasarkan punca kuasa dan bidang kuasa yang jelas
<b>CRA 3</b>	Memperkasa jaringan kolaborasi antara politeknik bersama industri bagi membangunkan bakat TVET tersedia masa hadapan
<b>CRA 4</b>	Membina jenama Politeknik Malaysia di peringkat antarabangsa
<b>CRA 5</b>	Memposisi Politeknik Malaysia sebagai institusi pendidikan lepasan menengah seiring universiti di mata umum
<b>CRA 6</b>	Mengoptimumkan pengurusan sumber manusia dan kewangan dalam sistem pendidikan politeknik
<b>CRA 7</b>	Mencipta nilai sepunya dalam kalangan warga politeknik
<b>CRA 8</b>	Mencipta jenama Politeknik Malaysia sebagai pusat <i>reskilling</i> , <i>upskilling</i> dan pendidikan lanjutan
<b>CRA 9</b>	Mencipta jenama Politeknik Malaysia yang setanding politeknik di negara maju
<b>CRA 10</b>	Mengoptimumkan potensi teknologi digital dalam ekosistem Politeknik Malaysia (Pengurusan dan Akademik)
<b>CRA 11</b>	Meningkatkan enrolmen Politeknik Malaysia sehingga mencapai sasaran yang ditetapkan
<b>CRA 12</b>	Mengiktiraf kepakaran Pegawai Pendidikan Pengajaran Tinggi (PPPT) yang terkemuka mutunya untuk menjadi pakar rujuk negara
<b>CRA 13</b>	Membangunkan bakat TVET tersedia masa hadapan secara bersepada yang melibatkan pensyarah politeknik, pengamal industri, ahli akademik dan masyarakat umum. Mengupaya <i>Translational Research</i> dalam ekosistem Politeknik Malaysia

## CRA 1

# PENJAJARAN POLYCC

Penjajaran POLYCC berperanan untuk menjajarkan fungsi khusus politeknik dan program pengajian di politeknik bagi memastikan program pengajian yang ditawarkan relevan dan terkini, mengukuhkan kemampuan institusi dalam menawarkan program dan mengoptimumkan sumber pengoperasian (tenaga pengajar, ruang dan peralatan).



## ISU DAN CABARAN

Pertindihan institusi TVET, program pengajian dan persaingan yang tidak sihat

Pengurusan sumber (manusia, kewangan dan lain-lain) yang tidak optimum

Prosedur penubuhan, pendaftaran dan kriteria penubuhan kurang jelas

Lokasi institusi kurang strategik dan fasiliti tidak kondusif

Politeknik sebagai pilihan kedua pelajar menyebabkan enrolmen pelajar tidak konsisten

## OBJEKTIF STRATEGIK (SO)

Mereka bentuk semula program pengajian bagi menjadikan TVET di politeknik lebih menarik

Membangunkan Rancangan Pembangunan Politeknik Lima Tahun bagi memastikan ekosistem di politeknik sentiasa dalam keadaan yang kondusif

## MATLAMAT

**Mengoptimumkan pengoperasian  
Politeknik Malaysia berdasarkan  
fungsi khususnya**



## PENUBUHAN IPT DI KAWASAN PARLIMEN

### PERTAMA

- Bukan menjadi dasar KPT untuk pastikan di setiap Kawasan Parliment mempunyai IPT;
- Bukan sasaran KPT untuk pastikan pelajar dapat mengikuti pendidikan tinggi di institusi berdekatan tempat lahir atau tempat tinggal.
- KPT sasarkan untuk belia mengikuti pengajian di IPT yang terbaik mengikut bidang dan minat mereka.

### KEDUA

- Mulai 2023, KPT memperkenalkan dasar pengajian anjal (mibenarkan pelajar hanya mengikuti pengajian secara fizikal pada tahun pertama dan terakhir sahaja) bagi 74 program pengajian terpilih.
- Membolehkan KPT meningkatkan akses dan mengambil lebih ramai pelajar bagi mengisi tempat di IPT sedia ada.

### KETIGA

- Keutamaan pembinaan Politeknik dan Kolej Komuniti di kawasan-kawasan yang tidak mempunyai apa-apa institusi latihan lain seperti Pusat Giat MARA, Institut Kemahiran MARA dan sebagainya.

Petikan ucapan YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, Menteri Pendidikan Tinggi di Penggulungan Peringkat Dasar Perbahasan Belanjawan 2024 | 30 Oktober 2023, Parlimen Malaysia.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI



Sumber : Laman Facebook Kementerian Pendidikan Tinggi

## CRA 2

### PERUNDANGAN POLYCC

Perundangan POLYCC berperanan untuk melancarkan pengoperasian politeknik berdasarkan punca kuasa dan bidang kuasa yang jelas. Penyelarasan bidang kuasa, peranan, fungsi, kualiti dan kemampuan penawaran program pengajian di POLYCC dilihat secara terperinci dalam agenda ini.



### ISU DAN CABARAN

Pertindihan bidang kuasa, peranan dan fungsi dua kementerian (KPT dan KPM) dalam tadbir urus politeknik

Prosedur penubuhan, pendaftaran dan kriteria penubuhan politeknik kurang jelas

### OBJEKTIF STRATEGIK (SO)

Mewujudkan kuasa autonomi bertanggungjawab kepada politeknik bagi meningkatkan fleksibiliti dan ketangkasan beroperasi

Mewujudkan Model Perundangan Politeknik yang mampu menyelesaikan isu-isu perundangan pada masa ini

### MATLAMAT

**Melancarkan pengoperasian  
Politeknik Malaysia berdasarkan  
punca kuasa dan bidang kuasa  
yang jelas**



## MELONJAK KECEMERLANGAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN TEKNOLOGI MELALUI KERJASAMA IPT DAN INDUSTRI

- Memastikan kerjasama yang strategik dan berkualiti.
- Kerjasama yang berupaya membawa pemindahan teknologi dan kepakaran, menggalakkan pelaburan, memberi dimensi baharu dalam pembangunan modal insan dan melebarkan akses pasaran.
- Kerjasama strategik yang boleh merentas sempadan di peringkat serantau dan global.

Petikan Ucapan YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin,  
Menteri Pendidikan Tinggi di Majlis Menandatangani MOU KPT-KDA

29 Ogos 2023



Sumber : Laman Facebook Kementerian Pendidikan Tinggi

## CRA 3

### SINERGI POLITEKNIK - INDUSTRI

Pemerkasaan Sinergi Politeknik-Industri ini menjalankan aktiviti berfokuskan industri (kolaborasi) untuk kecemerlangan pensyarah dan pelajar dalam bidang tujuan melalui kolaborasi aktif. Sinergi Politeknik-Industri untuk memperoleh akses kepada sumber daya kecemerlangan serta memanfaatkan semua kelebihan dari pihak industri.



#### ISU DAN CABARAN

Jalinan kolaborasi politeknik dan industri yang terhad dan merumitkan (pengurusan kewangan, kemudahan dan peralatan)

Jurang kemahiran dan bakat

Jurang antara teknologi di industri dan teknologi yang tersedia di institusi TVET

Pendapatan permulaan graduan politeknik yang tidak setimpal

Kedudukan institusi yang tidak bersesuaian dengan program sedia ada

#### OBJEKTIF STRATEGIK (SO)

Mempelbagaikan sumber kewangan bagi mengurangkan beban kewangan Kerajaan

Mewujudkan *Special Purpose Entity* bagi meningkatkan kecekapan proses berteraskan penjanaan pendapatan

Menggalakkan penglibatan awal industri dalam pembangunan bakat TVET berfokus di politeknik bagi menyediakan pekerja mahir yang mampu meningkatkan produktiviti industri

Membangunkan Rancangan Pembangunan Politeknik Lima Tahun bagi memastikan ekosistem di politeknik sentiasa dalam keadaan yang kondusif

#### MATLAMAT

**Memperkasa jaringan kolaborasi antara politeknik bersama industri bagi membangunkan bakat TVET tersedia masa hadapan**

**7 November 2023**

"Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) di Malaysia boleh mengambil kelebihan kerjasama dengan industri untuk menghasilkan produk pendidikan yang membantu meningkatkan kebolehpasaran graduan seterusnya menawarkannya kepada pelajar antarabangsa pada masa akan datang. Kini, terdapat perkembangan yang sangat positif terhadap penawaran *micro-credentials* oleh IPT tempatan serta program *upskilling* dan *reskilling* yang dipromosikan oleh kerajaan dan pihak industri,"

Petikan ucapan YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, Menteri Pendidikan Tinggi  
di MQA International Conference 2023

Sumber : Laman Facebook Kementerian Pendidikan Tinggi

## CRA 4

### PENGANTARABANGSAAN

Agenda pengantarabangsaan merupakan strategi dalam pelaksanaan aktiviti dan dasar pengantarabangsaan yang melibatkan JPPKK, politeknik dengan kementerian, agensi atau institusi serta industri dalam dan luar negara. Strategi ini dapat memberi dampak kepada imej dan keterlihatan politeknik seluruh Malaysia sebagai penyedia TVET utama negara malah di peringkat antarabangsa.

KRIVET

국립직업능력연구원



### ISU DAN CABARAN

Tadbir urus pengantarabangsaan di politeknik yang tidak jelas

### OBJEKTIF STRATEGIK (SO)

Memperkasa pensyarah dengan kemahiran industri bagi melahirkan pakar rujukan bidang (*subject matter expert*)

Memperkasa kepimpinan transformatif bagi memastikan kelestarian Halatuju Transformasi Politeknik

Mewujudkan Politeknik APEX sebagai Model Politeknik Malaysia masa hadapan

### MATLAMAT

**Membina jenama Politeknik Malaysia  
di peringkat antarabangsa**

## **MALAYSIA - JEPUN MEMPERKUKUH KERJASAMA SEKTOR PENDIDIKAN TINGGI**

- 1** Penglibatan lebih ramai pelajar Malaysia dan Jepun dalam program pertukaran pelajar di kedua-dua buah negara.
- 2** Memperbaharui dan menambah baik Memorandum Persefahaman (MoU) yang telah tamat.
- 3** Komited menjayakan pembukaan kampus cawangan Universiti Tsukuba yang merupakan kampus cawangan universiti Jepun pertama di Malaysia dan dunia.
- 4** Menyokong kerjasama pendidikan tinggi melalui Malaysia-Japan International Institute of Technology (MJIIT).
- 5** Pengukuhan kerjasama antara negara dalam pembangunan kapasiti, meningkatkan kepakaran TVET negara dan kerjasama penyelidikan.

**YB DATO' SERI MOHAMED KHALED NORDIN  
MENTERI PENDIDIKAN TINGGI | 25 JUN 2023**

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

MALAYSIA MADANI

Sumber : Laman Facebook Kementerian Pendidikan Tinggi

# AGENDA PEMBAHARUAN KRITIKAL (CRA)

## CRA 5

### IMEJ DAN PENJENAMAAN

Imej dan penjenamaan ini berperanan bagi meningkatkan keterlihatan (*visibility*) politeknik, menarik minat generasi muda terhadap bidang kemahiran, mendapat enrolmen yang tinggi, mendapat lebih penglibatan dengan pihak IPT, mendapat sokongan penajaan, mempromosi aktiviti/penglibatan bersama industri dan seterusnya meningkatkan pengikut di media sosial jabatan.

02 MAC 2023 (KHAMIS)  
9.00 PAGI

Ikuti Temubual Bersama :  
**TS. ZAINAB BINTI OTHMAN**  
Pengarah Kanan (Kompetensi)  
Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti

Bersama Tetamu undangan :  
**SALAHUDDIN AHMAD BIN KAMSAN**  
Pelajar  
Kolej Komuniti Sungai Petani  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI  
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

### POLYCC DI PENTAS DUNIA : 10th ABILYMPIC FRANCE 2023

Siaran Langsung :



apa khabar  
**MALAYSIA**



02 MAC 2023 (KHAMIS)  
9.00 PAGI

Ikuti Temubual Bersama :  
**TS. ZAINAB BINTI OTHMAN**  
Pengarah Kanan (Kompetensi)  
Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti

Bersama Tetamu undangan :  
**SALAHUDDIN AHMAD BIN KAMSAN**  
Pelajar  
Kolej Komuniti Sungai Petani

POLYCC **POLYCCOfficial**  
[www.polycc.edu.my](http://www.polycc.edu.my)

### ISU DAN CABARAN

Remaja kurang berminat kepada program-program TVET

Pemahaman terhadap potensi TVET masih kurang

Keterlihatan politeknik yang masih kurang menyerlah

### OBJEKTIF STRATEGIK (SO)

Memperkasa komunikasi korporat bagi mempromosi jenama Politeknik Malaysia

Membangunkan Rancangan Pembangunan Politeknik Lima Tahun bagi memastikan ekosistem di politeknik sentiasa dalam keadaan yang kondusif

### MATLAMAT

**Memposisi Politeknik Malaysia sebagai institusi pendidikan lepasan menengah seiring universiti di mata umum**



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

## Sasaran Impak Utama Daripada Cadangan Penambahbaikan Sektor Pendidikan Tinggi Negara

- a. Peningkatan kecemerlangan pendidikan tinggi negara;
- b. Kelestarian sumber dan pengurusan kewangan IPT yang akan berpaksikan prestasi;
- c. Pemerkasaan mahasiswa;
- d. Pengukuhan pengajian TVET; dan
- e. Penambahbaikan kedudukan Malaysia sebagai hab ilmu dan bakat bertaraf antarabangsa.



Petikan Ucapan YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, Menteri Pendidikan Tinggi  
Majlis Perasmian Penutupan Hari Terbuka Pendidikan Tinggi Negara  
23 Oktober 2023 | Putrajaya



Sumber : Laman Facebook Kementerian Pendidikan Tinggi

## CRA 6

### PENSTRUKTURAN ORGANISASI

Penstruktur organisasi berperanan untuk mengukuhkan struktur organisasi bahagian di JPPKK dengan menyeragamkan struktur organisasi di POLYCC dan mempermudahkan fungsi di bahagian dan POLYCC serta proses kerja.



### ISU DAN CABARAN

Ketidakselarasan tadbir urus dan fungsi di ibu pejabat dan institusi

Pengurusan kewangan dan bilangan Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang banyak dan tidak diurus secara optimum.

Gred Ketua Jabatan yang tidak bersesuaian dengan kompleksiti tugas.

### OBJEKTIF STRATEGIK (SO)

Mengukuhkan kerelevan dan keresponsifan kewujudan JPPKK dan POLYCC dalam ekosistem TVET negara dan industri selari dengan inspirasi KPT

Memastikan keseragaman dapat dibuat pada carta organisasi dan pengukuhkan fungsi POLYCC agar lebih jelas selari dengan keperluan semasa serta penyelarasannya dengan PTJ

Mengurangkan pertambahan bebanan dan kompleksiti tugas di setiap peringkat perjawatan

Mengoptimumkan pengurusan sumber manusia dan kewangan dalam sistem pendidikan politeknik

Memantapkan pengurusan kewangan dan perolehan bagi membantu merancakkan aktiviti ekonomi yang dirancang

### MATLAMAT

**Mengoptimumkan pengurusan sumber manusia dan kewangan dalam sistem pendidikan politeknik**



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI



"Saya menyeru semua ahli akademik, biar dalam bidang dan lapangan apa sekali pun kalian berada, marilah kita bersama-sama dengan KPT mengambil ikhtiar terbaik untuk memastikan pembudayaan nilai yang baik dalam diri insan menjadi teras kepada penyediaan bakat. Kita mesti membangunkan generasi pewaris negara yang kepintaran dan kepandaianya, dilengkапkan dengan pegangan kukuh kepada sistem nilai yang baik."

Petikan ucapan

YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, Menteri Pendidikan Tinggi  
sempena Perasmian Majlis Sambutan Hari Akademia  
dan Bulan Akademia Peringkat Kebangsaan Tahun 2023 | 4 Oktober 2023



Sumber : Laman Facebook Kementerian Pendidikan Tinggi

## CRA 7

### PEMBUDAYAAN 3K : KEBAJIKAN KEHARMONIAN KEBERKATAN

Konsep Pembudayaan 3K ialah untuk mewujudkan badan induk rasmi dalam pengurusan kebajikan Warga POLYCC melalui satu entiti khusus untuk mengumpul dan menjana sumber dana bagi tujuan kebajikan dan khairat kematian warga. Hasrat konsep ini untuk mencipta nilai sepunya dalam kalangan warga politeknik.



## ISU DAN CABARAN

Tiada medium yang khusus digunakan sebagai platform atau pusat setempat bagi membantu dan menguruskan isu-isu yang menyentuh kebajikan warga secara efektif dan holistik

## OBJEKTIF STRATEGIK (SO)

Membudayakan Prinsip 3K (Kebajikan, Keharmonian, Keberkatan) sebagai nilai sepunya sistem pendidikan politeknik dan kolej komuniti

## MATLAMAT

**Mencipta nilai sepunya dalam kalangan warga politeknik**



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI



“ Ahli akademik harus gigih menguruskan segala kekacauan dan perubahan yang sedang dan akan berlaku bersama-sama dengan kerajaan dan pemimpin.

Kita mesti bersama-sama mencari ikhtiar paling baik dan paling berkesan untuk menghasilkan dapatan ilmu dan pengetahuan yang berupaya meraikan daya usaha serta daya cipta rakyat tempatan ke arah kemajuan sosial serta budaya yang lestari.

Apatah lagi dengan segala kelebihan teknologi dan kerancakan gelombang digital. Saya percaya, semua itu membawa kelebihan dan potensi yang boleh diadun untuk memberi kebaikan kepada masyarakat dan negara. ”

Petikan teks ucapan YAB Perdana Menteri (dibacakan oleh YB Menteri Pendidikan Tinggi)  
Majlis Anugerah Akademik Negara Ke-15 | 31 Oktober 2023, Kuala Lumpur



Sumber : Laman Facebook Kementerian Pendidikan Tinggi

## CRA 8

### PEMERKASAAN PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT (PSH)

Pemerkasaan PSH di politeknik dengan mencipta jenama tersendiri yang boleh diakses menerusi e-pembelajaran, pembelajaran jarak jauh, pembelajaran di tempat kerja dan pembelajaran separuh masa. Sehubungan itu, politeknik berperanan mengangkat program PSH Politeknik sebagai pilihan majikan/pekerja industri/individu untuk reskilling & upskilling jangka pendek dan sederhana dengan membuka peluang pendidikan fleksibel untuk meningkatkan pelbagai kemahiran terkini ke arah masyarakat berpengetahuan dan ekonomi berasaskan inovasi.



### ISU DAN CABARAN

Aksesibiliti PSH di politeknik dengan laluan terhad

Keterlihatan PSH di politeknik yang masih kurang ketampakan.

### OBJEKTIF STRATEGIK (SO)

Memperkasa pembelajaran sepanjang hayat bagi menyediakan reskilling & upskilling kepada pekerja industri

### MATLAMAT

**Mencipta nilai sepunya dalam kalangan warga politeknik**



Program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) merupakan usaha mendidik komuniti dalam bidang kemahiran dan secara langsung boleh mendorong mereka melibatkan diri dalam bidang keusahawanan.

Justeru, kerjasama dan sinergi antara pihak pengurusan, warga pendidik serta warga kerja adalah penting untuk memastikan kejayaan dan kelangsungan program-program yang ditawarkan baik dalam bidang TVET maupun PSH kerana kita terlibat secara langsung dalam pembangunan modal insan dan negara.

---

Petikan ucapan  
**YB Dato' Haji Mohammad Yusof Apdal**  
**Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi**  
di Sesi Lawatan Kerja Sesi Segulai Sejalai Bersama Politeknik dan  
Kolej Komuniti Zon Sarawak | 16 September 2023



Sumber : Laman Facebook Kementerian Pendidikan Tinggi

## CRA 9

### POLITEKNIK APEX

Transformasi PUO ke arah status Politeknik APEX adalah satu usaha penting untuk menyumbang kepada pembangunan industri dan ekonomi negara. Satu inisiatif strategik untuk menaik taraf PUO sebagai Institusi Pendidikan Tinggi negara yang menyediakan program TVET termaju (Advanced TVET) berpaksikan elemen praktikal, pengalaman dan inovasi industri, teknologi terkini bagi memastikan PUO terus kekal unggul dan relevan di persada pendidikan tinggi negara dan global.



## ISU DAN CABARAN

Kekangan fleksibiliti dan autonomi dalam tadbir urus kewangan, pengambilan staf dan pelajar telah mengekang PUO sebagai institusi peneraju TVET yang dinamik dan berdaya saing

## OBJEKTIF STRATEGIK (SO)

Mewujudkan Politeknik APEX sebagai Model Politeknik Malaysia masa hadapan

Membangunkan Rancangan Pembangunan Politeknik Lima Tahun bagi memastikan ekosistem di politeknik sentiasa dalam keadaan yang kondusif

## MATLAMAT

**Mencipta jenama Politeknik Malaysia yang setanding politeknik di negara maju**



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI



## STRATEGI KPT MEMPERKASA PROGRAM TVET

- 01** Menjadikan politeknik sebagai destinasi utama untuk pengajian peringkat diploma.
- 02** Membuka Pusat Asasi TVET yang bakal menjadi program khusus untuk menyediakan pelajar-pelajar menyertai program TVET di universiti.
- 03** Membangunkan lebih banyak program atau pakej khas untuk ditawarkan kepada para pekerja industri yang memerlukan *reskilling* dan *upskilling*.

YB DATO' SERI MOHAMED KHALED NORDIN  
MENTERI PENDIDIKAN TINGGI  
Sempena Sambutan Hari TVET 2023 Yayasan Sime Darby  
30 Mei 2023



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI



Sumber : Laman Facebook Kementerian Pendidikan Tinggi

## CRA 10

### POLI DIGITAL

POLI DIGITAL merupakan salah satu agenda transformasi yang memberi penekanan terhadap pemantapan pendigitalan pendidikan dan ledakan teknologi baharu. Pelbagai Inisiatif TVET DIGITAL telah dirancang di peringkat politeknik bermula tahun 2023 sehingga 2030 bagi memastikan pendigitalan pendidikan dan teknologi baharu dapat diaplikasi dalam ekosistem pembelajaran dan pengajaran (PdP). Inisiatif POLI DIGITAL dirancang selari dengan keperluan semasa industri dan agensi kerajaan seperti AWS ( Amazon Web Services) dan MDEC (Malaysia Digital Economy Malaysia).



### ISU DAN CABARAN

Kekangan fleksibiliti dan autonomi dalam tadbir urus kewangan, pengambilan staf dan pelajar telah mengekang PUO sebagai institusi peneraju TVET yang dinamik dan berdaya saing

### OBJEKTIF STRATEGIK (SO)

Mereka bentuk semula program pengajian bagi menjadikan TVET di politeknik lebih menarik

Memperkasa pembelajaran sepanjang hayat bagi menyediakan reskilling & upskilling kepada pekerja industri

Mengoptimumkan penggunaan teknologi digital dan aplikasi dalam talian bagi meningkatkan kecekapan pengurusan dan penyampaian

Mewujudkan Politeknik APEX sebagai Model Politeknik Malaysia masa hadapan

Membangunkan Rancangan Pembangunan Politeknik Lima Tahun bagi memastikan ekosistem di politeknik sentiasa dalam keadaan yang kondusif

### MATLAMAT

**Mengoptimumkan potensi teknologi digital dalam ekosistem Politeknik Malaysia (Pengurusan dan Akademik)**



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

**AGENDA PENDIGITALAN PENDIDIKAN  
POLITEKNIK: POLI DIGITAL  
(2023-2027)**

- Mengubah pendekatan dan teknik pembelajaran serta pengajaran program TVET agar lebih anjal, bersifat futuristik, digital dan mengguna pakai kelebihan teknologi serta inovasi.
- Memastikan graduan politeknik dilengkapi dengan kemahiran teknologi terkini sekali gus bersedia menjadi bakat terbaik dalam bidang *high skill, high tech, high art*.

PENGGULUNGAN PERBAHASAN  
Semakan Kajian Separuh Penggal (KSP)  
Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12)  
oleh YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, Menteri Pendidikan Tinggi  
18 September 2023

 KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI



Sumber : Laman Facebook Kementerian Pendidikan Tinggi

## CRA 11

### PERLUASAN AKSES

Perluasan akses ialah menyediakan akses kemasukan ke politeknik untuk manfaat setiap lapisan untuk menyambung pengajian. Akses kemasukan yang disediakan mampu mengurangkan kerumitan laluan untuk memudahkan pelajar membuat pilihan yang terbaik.



### ISU DAN CABARAN

Politeknik sebagai pilihan kedua pelajar

Keterlibatan politeknik yang masih kurang menyerlah

Aksesibiliti pengajian di politeknik yang masih belum meluas dengan pelbagai laluan pembelajaran

### OBJEKTIF STRATEGIK (SO)

Meningkatkan sinergi antara politeknik dan MTUN bagi memendekkan tempoh pengajian sehingga ke peringkat Ijazah Sarjana Muda

Menyediakan laluan khas kemasukan ke Politeknik Malaysia untuk golongan rentan bagi membantu meningkatkan sosio-ekonomi rakyat

### MATLAMAT

**Meningkatkan enrolmen  
Politeknik Malaysia sehingga  
mencapai sasaran yang  
ditetapkan**



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

# CARE STRATEGI MENINGKATKAN KEMASUKAN KE PROGRAM TVET DI BAWAH KPT

- 
1. Menambah tawaran program yang diselaraskan dengan New Industrial Masterplan (NIMP) 2030 yang merangkumi bidang-bidang terkini dan termaju.
  2. Syarat serta akses kemasukan yang dipermudah dan diperluas.
  3. Program TVET di politeknik di bawah KPT menyediakan laluan khas kemasukan kepada golongan rentan termasuk golongan B40, OKU dan Orang Asli.

#### Penggulungan Perbahasan

Semakan Kajian Separuh Penggal (KSP)  
Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12)  
oleh YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, Menteri Pendidikan Tinggi  
18 September 2023

## CRA 12

### PENSYARAH SUBJECT MATTER EXPERT (SME)

Pensyarah SME berhasrat membangunkan bakat tersedia masa hadapan dalam kalangan pensyarah politeknik.



### ISU DAN CABARAN

Penambahbaikan skim PPPT iaitu melalui penambahan satu lapisan kenaikan pangkat daripada gred DH54 ke gred VK7.

### OBJEKTIF STRATEGIK (SO)

Memperkasa pensyarah dengan kemahiran industri bagi melahirkan pakar rujukan bidang (*subject matter expert*)

Memperkasa kepimpinan transformatif bagi memastikan kelestarian Halatuju Transformasi Politeknik

### MATLAMAT

**Mengiktiraf kepakaran Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT) yang terkemuka mutunya untuk menjadi pakar rujuk negara**

"Misi penting golongan akademik adalah untuk mencari formula baharu agar pendidikan dan dunia ilmu dilihat menarik dan menyeronokkan, dan untuk memastikan yang tradisi ilmu dan kesarjanaan berupaya memikat minat anak muda, ahli akademik sendiri mesti beralih dan beranjak dari pemahaman yang terhad atau terlalu berorientasikan cara lama."

Petikan ucapan  
YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, Menteri Pendidikan Tinggi  
sempena Perasmian Majlis Sambutan Hari Akademia  
dan Bulan Akademia Peringkat Kebangsaan Tahun 2023 | 4 Oktober 2023

## CRA 13

### C-TeCH: CENTRE FOR TECHNOLOGY CONVERGENCE AND HUMANITIES

C-TeCH akan menyediakan *symbiosis centre* di mana SME daripada politeknik, pengamal industri, akademia daripada universiti dan komuniti setempat bekerja bersama-sama dalam membangunkan inovasi berasaskan teknologi yang mampu membantu menyelesaikan masalah-masalah kemanusiaan.



## ISU DAN CABARAN

Pembangunan bakat TVET tersedia masa hadapan bersifat pragmatik yang menguasai teknologi terkini dan amalan terbaik industri

## OBJEKTIF STRATEGIK (SO)

Meningkatkan pemindahan pengetahuan dan teknologi antara pensyarah politeknik, ahli akademik di universiti dan pengamal industri bagi memperkasakan Penyelidikan Translasional dalam ekosistem TVET KPT

Memperkasa kepimpinan transformatif bagi memastikan kelestarian Halatuju Transformasi Politeknik

## MATLAMAT

**Membangunkan bakat TVET tersedia masa hadapan secara bersepadu yang melibatkan pensyarah politeknik, pengamal industri, ahli akademik dan masyarakat umum.**

**Mengupaya *Translational Research* dalam ekosistem Politeknik Malaysia**



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

## **"STRATEGI BAGI MEMASTIKAN KUALITI GRADUAN SEIRING DENGAN TUNTUTAN PASARAN KERJA"**



**SEMAKAN BERKALA  
KANDUNGAN &  
KUALITI PENGAJIAN**



**MERANCAKKAN  
KERJASAMA ERAT  
DENGAN INDUSTRI**



**KERJASAMA  
RENTAS  
KEMENTERIAN  
& AGENSI**



**MEMANTAPKAN  
PLATFORM YANG  
BERUPAYA MEMADANKAN  
INDUSTRI & GRADUAN**

Petikan ucapan YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, Menteri Pendidikan Tinggi sempena Persidangan Pasaran Kerja Graduan 2023 | 1 November 2023



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI



Sumber : Laman Facebook Kementerian Pendidikan Tinggi

# INISIATIF PEMBAHARUAN BERSTRATEGIK

Inisiatif Pembaharuan Berstrategik (SRI) merupakan elemen penting bagi politeknik mencapai hasil yang diharapkan dalam agenda Hala Tuju Transformasi Politeknik 2023-2030. Ia merupakan syarat imperatif dan perlu ada dalam organisasi politeknik bagi memastikan politeknik berjaya mengharungi perjalanan hala tuju transformasi.

Inisiatif Pembaharuan Berstrategik (SRI) yang telah diformulasi untuk kejayaan agenda transformasi iaitu:





# RANTAIAN KE HADAPAN

# RANTAIAN KE HADAPAN

## MATLAMAT TRANSFORMASI

### 140,000 ENROLMENT POLITEKNIK

Ke arah menuju negara berpendapatan tinggi seperti yang diaspirasikan di dalam Ekonomi MADANI, negara memerlukan pekerja mahir dan separa profesional yang mampu meningkatkan produktiviti guna tenaga. Sebagai penyumbang terbesar bakat TVET negara, politeknik berhasrat untuk menyediakan 120,000 peluang pendidikan dan latihan dalam Fasa 1 (2023-2027) menuju ke arah 140,000 peluang bagi Fasa 2 (2028-2030). Melangkaui 2030, matlamat ini akan tercapai dengan perancangan yang teliti dan usaha secara bersepadu penting dalam memastikan kemasukan pelajar ke politeknik dapat ditingkatkan antara 5% hingga 20% setiap tahun sehingga tahun 2030.



Bagi mencapai matlamat Ekonomi MADANI, negara memerlukan lebih ramai modal insan berkualiti yang mampu meningkatkan produktiviti guna tenaga negara. Ke arah tersebut, politeknik komited untuk menyediakan lebih banyak peluang pengajian kepada remaja dan belia. Matlamatnya adalah untuk membangunkan bakat TVET tersedia industri (*industry ready*), kalis masa hadapan (*future proof*) serta mampu memperolehi pendapatan permulaan yang progresif.

Pembangunan modal insan berkualiti ini akan menyediakan peluang untuk pekerjaan yang berkualiti serta memastikan akses kepada pendidikan dan latihan berkualiti ke arah membina negara yang lebih inklusif, saksama dan makmur. Inisiatif ini akan dilaksana melalui peningkatan akses dan kepelbagaiannya kepada pendidikan dan latihan yang berkualiti serta memupuk sinergi politeknik dan industri yang lebih kukuh. Kepercayaan masyarakat kepada jenama Politeknik Malaysia juga perlu sentiasa ditingkatkan agar TVET menjadi pilihan utama remaja dan belia untuk menyambung pengajian pada masa hadapan.

# RANTAIAN KE HADAPAN

## MATLAMAT TRANSFORMASI

### 50% DARIPADA KESELURUHAN DIPLOMA TVET AWAM NASIONAL

Program pengajian peringkat diploma merupakan tunjang kepada TVET di Malaysia. Diploma dilihat sebagai peringkat pengajian yang paling strategik dalam usaha menghasilkan tenaga kerja mahir dan separa profesional yang diperlukan oleh sektor-sektor ekonomi utama negara dalam masa yang singkat. Dengan adunan kurikulum berkualiti yang menggabungkan elemen kognitif, psikomotor dan afektif, graduan holistik yang tersedia industri mampu dihasilkan.



Enrolmen program-program pengajian peringkat diploma di politeknik boleh ditingkatkan dengan memanfaatkan sepenuhnya Akreditasi Berdasarkan Pembelajaran Pengalaman Terdahulu (APEL). Di samping itu, politeknik juga perlu meningkatkan kepelbagaiannya program-program diplomanya agar lebih ramai lulusan Sijil Pelajaran Malaysia yang kurang cenderung kepada laluan akademik untuk menyambung pengajian. Struktur program merentas bidang dan fleksibel perlu diformulasi agar program diploma di politeknik mampu menyediakan tenaga kerja yang tersedia industri serta berfungsi sebagai gerbang untuk graduan menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi terutamanya dalam laluan TVET.

Pembelajaran secara digital dan berteraskan teknologi terkini mengikut revolusi industri mampu menjadikan pengalaman belajar di politeknik suatu pengalaman yang menyeronokkan. Graduan diploma politeknik yang kompeten teknologi dan mampu berinovasi pasti mendapat peluang yang tinggi memperolehi pekerjaan sejurus selepas menamatkan pengajian.

# RANTAIAN KE HADAPAN


## MATLAMAT TRANSFORMASI

### KEBOLEHPASARAN (GE) SENTIASA DI ATAS 95%

Bagi meningkatkan lagi kebolehpasaran graduan politeknik, program yang ditawarkan perlu memenuhi kehendak pasaran. Graduan politeknik perlu mempunyai keterampilan, kemahiran kebolehdayaan diambil bekerja (*employability skills*) dan kemahiran daya keusahawanan (*enterprising*) yang mencukupi bagi meningkatkan daya saing dalam persaingan pasaran guna tenaga yang semakin kompetitif dan kompleks.


**The National Graduate Employability Blueprint (2012 – 2017)** telah memperincikan komponen kebolehpasaran graduan yang terdiri daripada:

- i. Graduan bekerja;
- ii. Graduan yang melanjutkan pengajian;
- iii. Graduan yang sedang mengikuti latihan peningkatan kemahiran; dan
- iv. Graduan yang sedang menunggu penempatan pekerjaan.



Graf 2 Peratus kebolehpasaran politeknik

Dalam sistem pendidikan politeknik, kebolehpasaran graduan banyak dipengaruhi oleh keadaan ekonomi negara dan kualiti kandungan program pengajian. Penggunaan pensyarah politeknik terhadap kemahiran industri serta kemahiran pedagogi dan andragogi turut memain peranan dalam menghasilkan graduan yang berdaya saing. Inisiatif seperti pembinaan watak dan penerapan budaya keusahawanan dalam kalangan pelajar serta pemerkasaan padanan penawaran program dengan keperluan industri memerlukan pendekatan baharu. Usaha ini melibatkan kerjasama dengan pelbagai pihak seperti industri dan badan profesional serta agensi-agensi yang menerajui pembangunan teknologi dan pembudayaan keusahawanan.




# RANTAIAN KE HADAPAN

## MATLAMAT TRANSFORMASI

### PURATA PENDAPATAN PERMULAAN GRADUAN RM2,000 SEBULAN

Pendapatan permulaan graduan yang tinggi dipengaruhi oleh kesanggupan pihak majikan menawarkan gaji dan upah yang progresif setanding dengan tahap kompetensi graduan melaksanakan tugas yang diberi. Oleh itu, graduan perlu mampu menonjolkan kemampuan mereka serta pandai merebut peluang terbaik yang diperolehi. Politeknik perlu lebih agresif dalam usaha melahirkan graduan yang mampu menyesuaikan diri dalam pelbagai situasi, kompeten teknologi dan berinovatif.



Graf 2

Peratus pendapatan graduan politeknik

**2030**  
**40%**  
graduan politeknik dengan  
pendapatan permulaan  
RM1500 hingga RM2000  
sebulan



**RMK12**  
**RMK13**



**EKONOMI MADANI**  
*Memperkasa Rakyat*



# IMPAK TRANSFORMASI

# IMPAK TRANSFORMASI



**24,000**

Tenaga Kerja Mahir


**140,000**

Enrolmen

**35,000**

Akses pendidikan

Matlamat  
2030



# IMPAK TRANSFORMASI

Kepada Rakyat Malaysia



Kemajuan negara tidak sewajarnya diukur dengan pertumbuhan ekonomi semata-mata, sebaliknya harus mengambil kira aspek kesejahteraan secara menyeluruh. Untuk itu, faktor sosial memberi peluang transformasi politeknik dalam memenuhi tumpuan negara dalam meningkatkan darjat hidup rakyat.

Melangkaui tahun 2030, hasrat kerajaan dalam membangunkan masyarakat sejahtera dan menyediakan bekalan tenaga kerja berkemahiran tinggi dan sederhana pasti akan dicapai dengan terluncurnya Hala Tuju Transformasi Politeknik 2023-2030 melalui peluang 35,000 tempat bagi melanjutkan pengajian setahun di politeknik dengan lebih 300 pilihan program pengajian bersama yuran serendah RM200/semester.

Laluan Pendidikan yang disediakan oleh politeknik dalam pembangunan modal insan berkemahiran tinggi hasil kerjasama bersama *Government-Linked Companies* (GLC) dan industri ke arah peningkatan kebolehpasaran dan gaji lepasan politeknik serta mampu mengubah persepsi masyarakat terhadap TVET sebagai laluan kerjaya.

**35,000 tempat**

Peluang Melanjutkan Pengajian Setahun

**> 300 pilihan**

Program Diploma Dengan Yuran Serendah

**RM200 / semester**

**Gaji Progresif**

Mudah Mendapat Pekerjaan Dengan Pendapatan Yang Progresif

**Belajar + Bekerja**

Peluang Belajar Sambil Bekerja

**80%**

**Graduan Politeknik Malaysia mendapat pekerjaan dalam tempoh 6 bulan selepas tamat pengajian**

## **IMPAK TRANSFORMASI**

*Kepada Rakyat Malaysia*



**3,000  
tempat latihan**

Memperkasa reskilling & upskilling bagi menyediakan pembelajaran sepanjang hayat kepada pekerja industri menjadi keutamaan dalam transformasi politeknik. Program latihan reskilling & upskilling yang dibangunkan berdasarkan permintaan industri bagi meningkatkan kemahiran pekerja industri dengan melatih semula dan meningkatkan kemahiran tenaga kerja di industri agar kekal relevan dengan keperluan amalan terbaik dan teknologi terkini yang diperlukan bagi meningkatkan produktiviti.

Program ini dilaksanakan untuk memberi ruang kepada warganegara Malaysia dalam mempelajari bidang-bidang tertentu melalui kursus yang fleksibel dan mudah alih (*mobile*). Oleh yang demikian, 3,000 pekerja industri terlibat dengan latihan semula reskilling & upskilling kepada pekerja industri sebagai permulaan. Bilangan ini akan ditambah dari semasa ke semasa mengikut kapasiti dan kemampuan politeknik.

**Reskilling & Upskilling  
Pekerja Industri**

# KESIMPULAN

*Menelusuri Transformasi  
Merealisasikan Visi*



# KESIMPULAN

Hala Tuju Transformasi Politeknik 2023-2030 menjurus kepada pelaksanaan transformasi yang menyeluruh bagi keseluruhan sistem pendidikan politeknik. Hala Tuju Transformasi Politeknik 2023-2030 menjadi pemangkin untuk mengangkat martabat politeknik sebagai institusi pendidikan membentuk barisan bakat memenuhi keperluan negara Malaysia. Hala tuju ini akan menjadi titik permulaan dalam merancang pembangunan jangka pendek, sederhana dan panjang menuju 2030.

1

**Tadbir urus yang baik dan kepimpinan transformatif** adalah penting ke arah merealisasikan aspirasi untuk bersama-sama menjayakan Hala Tuju Politeknik 2023-2030.

2

**Kerjasama erat, komunikasi dan kolaborasi** antara politeknik dan pemegang taruh, termasuk rakan strategik yang telah dikenal pasti menjadi penentu ke arah merealisasikan aspirasi untuk bersama-sama menjayakan Hala Tuju Politeknik 2023-2030.

3

Usaha bersepadu dengan **kerjasama, sokongan dan komitmen** semua warga politeknik dan perubahan cara bekerja yang radikal dalam semua aspek ke arah merealisasikan aspirasi untuk bersama-sama menjayakan Hala Tuju Politeknik 2023-2030.





KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

PPKG 2023

"Mendepani P

PERSIDANGAN PASARAN KERJA

# GRADUAN

1 November 2023

"Fokus KPT kini bukan lagi dalam meningkatkan kebolehpasaran graduan. Sebaliknya menyasarkan kepada peningkatan peratusan graduan memperoleh 'gaji premium'. Malah, fokus kita turut terarah kepada merancakkan hubungan industri dan melaksanakan langkah-langkah yang lebih bersifat spesifik dan strategik bagi memastikan graduan yang bakal dilahirkan memiliki kemampuan dan bercirikan industri tersedia (*industry ready*)."

Petikan ucapan YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, Menteri Pendidikan Tinggi sempena Persidangan Pasaran Kerja Graduan 2023

 KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI



Sumber : Laman Facebook Kementerian Pendidikan Tinggi

# RUJUKAN GLOSARI

## SENARAI KEPENDEKAN

APACC	<i>Asia Pacific Accreditation and Certification Commission</i>
APEL	Pembelajaran Pengalaman Terdahulu
BKTVET	Bahagian Koordinasi TVET
BPPM	Blueprint POLYGreen Politeknik Malaysia
BPTV	Bahagian Pendidikan Teknikal dan Vokasional
CE	Pampasan pekerja
CoT	<i>Centre of Technology</i>
CRA	Agenda Pembaharuan Kritikal
C-TeCH	<i>Centre For Technology Convergence and Humanities</i>
DPTN	Dasar Pendidikan Tahfiz Negara
ETAC	<i>Engineering Technology Accreditation Council</i>
GE	Kebolehpasaran Graduan
GITC	<i>Government-Industry TVET Coordination Body</i>
GLC	<i>Government-Linked Companies</i>
GMI	<i>German-Malaysia Institute</i>
GPM	<i>Green Project Management Global</i>
HENCC	Higher Education National Cloud Computing Centre
HIP	<i>High Impact Projects</i>
IAC	<i>Industry Advisory Council</i>
ICC	<i>Innovation and Commercialisation Centre</i>
IPTA	Institut Pendidikan Tinggi Awam
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JKP	Jabatan Pembangunan Kemahiran
JPPKK	Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
JPTek	Jabatan Pendidikan Teknikal
JTC	<i>Joint Technical Committee</i>
KPT	Kementerian Pendidikan Tinggi
KSP	Kajian Separuh Penggal
MBOT	Lembaga Teknologis Malaysia
MPPK	Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan
MQA	Agenzi Kelayakan Malaysia
MQF	<i>Malaysian Qualifications Framework</i>
MTUN	Universiti Teknikal Malaysia
MTVET	Majlis TVET Negara
NIMP	Pelan Induk Perindustrian Baharu
PPPT	Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi
PSH	Pendidikan Sepanjang Hayat
PSPTN	Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara
RDIC	Penyelidikan, Pembangunan, Inovasi dan Pengkomersialan
RMKe	Rancangan Malaysia Ke
SDGs	<i>Sustainable Development Goals</i>
SME	Subject Matter Expert
SO	<i>Strategic Objective</i>
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SRI	Inisiatif Pembaharuan Berstrategik
TCH	<i>TVET Collaboration Hub</i>
TEP	<i>Talent Enhancement Programme</i>
TTAC	<i>Technology and Technical Accreditation Council</i>
TVET	<i>Technical Vocational Education and Training</i>
UIGM	<i>UI GreenMetric</i>
UNESCO	<i>United Nations Organisation for Education, Science and Culture</i>
UniKL	Universiti Kuala Lumpur
UTeM	Universiti Teknikal Melaka Malaysia
UTHM	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
WBL	<i>Work Based Learning</i>

## SENARAI JADUAL

Jadual 1	Bidang Tujuan Utama Politeknik Mengikut Institusi
Jadual 2	Program WBL di politeknik
Jadual 3	Program Sijil Khas Pelajar OKU
Jadual 4	Objektif Strategik Transformasi Politeknik
Jadual 5	Matlamat Agenda Pembaharuan Kritikal (CRA)
Rajah 1	Landskap Institut TVET Malaysia
Rajah 2	Bilangan institusi TVET di pelbagai kementerian dan agensi
Rajah 3	Landskap Akreditasi TVET Malaysia
Rajah 4	Kadar Kemasukan, Enrolmen, Keluaran dan Kebolehpasaran TVET
Rajah 5	Evolusi Perkembangan Politeknik Mengikut Rancangan Malaysia
Rajah 6	Evolusi Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
Rajah 7	LOkasi politeknik Malaysia mengikut negeri
Rajah 8	CoT di politeknik
Rajah 9	Taburan Program Pengajian Politeknik
Rajah 10	Pencapaian Politeknik dalam <i>UI Greenmetric World 2022</i>
Rajah 11	Data Kemasukan, Enrolmen, Keluaran dan Kebolehpasaran Pelajar Politeknik
Rajah 12	Pencapaian dan anugerah pelajar politeknik
Rajah 13	Pencapaian Kolaborasi Poli-Industri
Rajah 14	Fokus Sinergi Poli-Industri
Rajah 15	Kerangka Transformasi Politeknik
Rajah 16	Inisiatif Pembaharuan Berstrategik (SRI)

## PENGHARGAAN

Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pendidikan Tinggi merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih kepada:

Pejabat Timbalan Perdana Menteri  
Majlis TVET Negara  
Kementerian Pendidikan Tinggi serta agensi dan institusi di bawahnya  
Kementerian Belia dan Sukan serta agensi dan institusi di bawahnya  
Kementerian Dalam Negeri serta agensi dan institusi di bawahnya  
Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah serta agensi dan institusi di bawahnya  
Kementerian Kerja Raya serta agensi dan institusi di bawahnya  
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya serta agensi dan institusi di bawahnya  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat serta agensi dan institusi di bawahnya  
Kementerian Pendidikan Malaysia serta agensi dan institusi di bawahnya  
Kementerian Pertahanan serta agensi dan institusi di bawahnya  
Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan serta agensi dan institusi di bawahnya  
Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi serta agensi dan institusi di bawahnya  
Kementerian Sumber Manusia serta agensi dan institusi di bawahnya  
Majlis Penasihat Industri Politeknik  
Ahli Lembaga Kurikulum Politeknik  
Ahli Lembaga Peperiksaan dan Penganugerahan Sijil / Diploma Politeknik  
Ahli Jawatankuasa Transformasi Politeknik dan Kolej Komuniti  
Unit Pusat Sumber dan Penerbitan, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA)  
Pihak Industri  
Pihak Media  
dan  
semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan penerbitan buku

*Hala Tuju*  
**TRANSFORMASI**  
**POLITEKNIK**  
**2023-2030**



*Hala Tuju*  
**TRANSFORMASI**  
**POLITEKNIK**

2023-2030

ISBN 978-967-0763-65-1

